

**APLIKASI MOTIF TERUMBU KARANG DALAM REKA CORAK
PADA SELENDANG WANITA MENGGUNAKAN KAEDAH BATIK**

BLOK

NURUL NASUHA BINTI AZIZUL

**IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF DENGAN
KEPUJIAN**

2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**APLIKASI MOTIF TERUMBU KARANG DALAM REKA CORAK PADA
SELENDANG WANITA MENGGUNAKAN KAEDAH BATIK BLOK**

Oleh

NURUL NASUHA BINTI AZIZUL

C17A0298

Laporan ini dihantar untuk memenuhi kehendak Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi
Kreatif Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN (FTKW) UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN**

2021

ABSTRACT

Batik is one of the handicrafts available in Malaysia that can be proud of. Batik is an art or handicraft that can be applied to fabrics that can be distributed in the field of textiles. This batik art can be clearly seen on fashion or clothing. Batik is now not only used by women but also by men. Batik is also a very valuable art and has a high value. Therefore, this study was conducted to study the production of block batik using coral reef motifs on women's shawls. This fabric is also carried out to document the production technique of batik blocks with coral reef motifs for young people so that the value of the country's heritage is not forgotten. However, the method used in conducting this study is a qualitative method that is observation, interview and research. In conclusion, this study is done to defend and uphold the batik block in Malaysia so that it does not sink by time.

Keywords: batik, block batik, coral reef motifs, shawls, women.

ABSTAK

Batik merupakan salah satu kraf tangan yang terdapat di Malaysia yang dapat dibanggakan. Batik merupakan satu seni atau kraf tangan yang dapat diterapkan pada kain yang dapat disalurkan dalam bidang tekstil. Seni batik ini dapat dilihat dengan jelas pada fesyen atau pakaian. Batik kini bukan sahaja digunakan oleh kaum wanita sahaja tetapi juga turut digunakan oleh kaum lelaki. Batik juga adalah seni yang sangat berharga dan mempunyai nilai yang tinggi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji penghasilan batik blok menggunakan motif terumbu karang pada selendang wanita. Kain ini juga dijalankan adalah untuk mendokumentasikan teknik penghasilan batik blok bermotifkan terumbu karang untuk golongan muda agar nilai warisan negara tidak dilupakan. Walau bagaimanapun, kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, temubual dan membuat penyelidikan. Kesimpulannya, kajian ini dilakukan bagi mempertahankan dan memartabatkan batik blok di Malaysia agar tidak tenggelam oleh zaman.

Kata kunci: batik, batik blok, motif terumbu karang, selendang, wanita.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana telah menerima saya sebagai pelajar dalam bidang pengajian Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian di bawah program Tekstile dan Fesyen. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia bagi Projek Penyelidikan I dan II iaitu Puan Nurulhuda Binti Sulaiman kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan kepada saya sepanjang menjalankan kajian bagi menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih juga turut ditujukan kepada semua pensyarah yang mengajar dalam bidang tekstile dan fesyen ini yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menjalankan kajian ini. Dalam kesempatan ini juga, ucapan terima kasih juga turut saya panjatkan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana turut memberi kerjasama dan bantuan dan tunjuk ajar antara satu sama lain sepanjang proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada ahli keluarga yang banyak memberi sokongan dan bantuan kewangan dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir kata, jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menyiapkan projek penyelidikan ini.

Sekian terima kasih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

ABSTRACT		I
ABSTRAK		II
PENGHARGAAN		III
ISI KANDUNGAN		IV-VI
BAB 1:	PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan	1-3
1.1	Latar Belakang Masalah	4-6
1.2	Rumusan Masalah	7
1.3	Permasalahan Kajian	8
1.4	Objektif Penyelidikan	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Istilah Di Dalam Penyelidikan	9
1.7	Manfaat Penyelidikan	10-11
1.8	Rumusan Bab	11
BAB 2:	KAJIAN LITERATUR	
2.0	Pengenalan	12
2.1	Motif Berasaskan Terumbu Karang	12-14
2.2	Motif Batik Dan Corak Batik	15-16
2.3	Batik Blok	17-18
2.4	Proses Pembuatan Batik Blok	19-21
2.5	Peralatan Dan Bahan Yang Digunakan Untuk Membuat Batik Blok	22-24
2.6	Fesyen Wanita Berhijab	24-25
2.7	Jenis Hijab	26-27
2.8	Rumusan Kajian Lepas	28
2.9	Rumusan Bab	29

BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	30
3.1	Pendekatan Kajian	30
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	31
	3.3.1.1 Cara Pengumpulan Data	32
	3.3.1.2 Data Prime	33
	3.3.1.3 Data sekunder	33-34
3.4	Instrumen / Alat Yang Digunakan	35
3.4	Analisis Data	35
3.5	Rumusan Bab	36
3.6	Rumusan	36
BAB 4:	Produk Penyelidikan	
4.0	Pengenalan	37-38
4.1	Penyata Rekaan	39
4.2	Motif Reka Corak	39-41
4.3	Lukisan Dan Lakaran Reka Corak	42-44
4.4	Konsep Reka Corak	45-46
4.5	Contoh Reka Corak	47
4.6	Warna	48-51
4.7	Penghasilan Produk	51-58
4.7	Produk Akhir	59-64
4.8	Kesimpulan	65
BAB 5:	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
	5.0.1 CADANGAN	66
	5.0.1.1 Pengkaji Baru	66
	5.0.1.2 Industri	67
	5.0.1.3 Negara	67
	5.0.2 Kesimpulan	68
LAMPIRAN		69

RUJUKAN		70-72
JADUAL		
2.1	Analisis Kajian Lepas	28
3.1	Kaedah Pengumpulan Data	32
GAMBAR		
4.1	Lakaran Motif Terumbu Karang Untuk Blok Satu	40
4.2	Lakaran Motif Terumbu Karang Untuk Blok Ke Dua	41
4.3	Lakaran Yang Digunakan Menggunakan Kaedah Canting	41
4.4	Lakaran Design Selendang Satu	43
4.5	Lakaran Design Selendang Dua	43
4.6	Lakaran Design Selendang Tiga	43
4.7	Lakaran Design Selendang Empat	44
4.8	Lakaran Design Selendang Lima	44
4.9	Lakaran Design Selendang Enam	44
4.10	Blok Berukuran 11cm X 11cm	46
4.11	Blok Berukuran 8cm X 8cm	46
4.12	Lakaran Design Menggunakan Kaedah Digital	47
4.13	Skema Warna Yang Digunakan Pada Selendang Dalam Produk Akhir Yang Pertama	48
4.14	Skema Warna Yang Digunakan Pada Selendang Dalam Produk Akhir Yang Kedua	49
4.15	Skema Warna Yang Digunakan Pada Selendang Dalam Produk Akhir Yang Ketiga	49
4.16	Skema Warna Yang Digunakan Pada Selendang Dalam Produk Akhir Yang Keempat	50
4.17	Skema Warna Yang Digunakan Pada Selendang Dalam Produk Akhir Yang Kelima	50
4.18	Skema Warna Yang Digunakan Pada Selendang Dalam Produk Akhir Yang Keenam	51
4.19	Mengukur Kain Dan Membuat Peletakkan Design Corak Motif Sebelum Proses Mengecop	52
4.20	Proses Mengecop Batik.	53
4.21	Proses Membancuh Warna	54

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Terumbu karang merupakan khazanah laut yang dapat menyeimbangkan ekosistem kehidupan marin. Menurut Pusat Sains Negara (2020), terumbu karang merupakan sejenis makhluk hidup yang berada di dasar lautan. Terumbu karang terlihat indah dilautan dan dapat mempersonakan siapa sahaja yang mihatnya. Terumbu karang mempunyai warna yang harmoni dan mempunyai bentuk-bentuk yang cantik dan unik. Terumbu karang bukan sahaja terlihat seperti hiasan laut malah mempunyai banyak fungsi yang tersendiri. Ia bertindak sebagai banteng serta menjadi perlindungan pantai terhadap ombak yang kuat. Selain itu, anak-anak ikan juga dapat melindungi diri daripada pemangsa kerana dapat bersembunyi dicelah-celah terumbu karang. Anak-anak ikan juga dapat memperolehi makanan yang banyak daripada terumbu karang. Oleh itu, terumbu karang ini secara tidak lansung berfungsi sebagai kawasan perumahan untuk anak-anak ikan membesar.

Menurut Ingrid Sembiring, A. W. (2012), terumbu karang merupakan ekosistem marin yang cantik dan unik. Terumbu karang ini telah lama wujud iaitu sejak berjuta tahun yang lalu. Kebanyakan terumbu karang dijumpai di dalam laut yang kedalamannya kurang daripada 46 meter. Ini menunjukkan, cahaya matahari dapat menembusi air laut sampai ke dasar. Oleh itu, jelas menunjukkan cahaya matahari penting bagi pertumbuhan terumbu karang laut. Terumbu karang adalah sesuatu yang berat dan tidak terapung dilautan. Selain itu juga, terumbu karang ini mudah membesar dengan cepat di dalam air yang dapat menembusi cahaya matahari. Terumbu karang hidup dan membesar didalam air yang bersih dan jernih. Jelaslah terumbu karang sukar dan tidak dapat membiak dalam dasar laut yang dalam dan tidak dapat membesar didalam air yang kotor atau keruh. Kini, ramai masyarakat yang kurang menyedari bahawa terumbu karang berdepan dengan kepupusan. Terumbu karang merupakan sesuatu yang sangat berharga yang patut dijaga dan dipertahankan.

Menurut Rizky Hafiz Chaniago, W. A. (2018), Selendang merupakan salah satu daripada fesyen kepada kaum wanita. Selain menjadi kewajipan untuk kaum wanita muslim, selendang juga mempunyai fungsinya yang tersendiri. Contohnya untuk melindungi kepada dari sinar matahari yang panas. Selendang merupakan kain yang digunakan untuk menutup bahagian kepala, leher, bahu dan dada untuk para wanita. Di Malaysia, tudung adalah pilihan peribadi. Wanita muslim di Malaysia diberi hak untuk memakainya dan tiada siapa yang boleh menghalang. Namun, tiada siapa yang dipaksa untuk memakai tudung. Islam menyuruh para wanita memakai tudung untuk menutup auratnya kerana islam sangat memuliakan dan menghargai kaum wanita. Selain itu juga, dengan memakai tudung, dapat melindungi diri daripada bahaya seperti gangguan daripada lelaki. Kini, masyarakat muslim di Malaysia ramai yang memakai tudung dan merupakan sesuatu yang wajib dipakai ketika ingin keluar daripada rumah. Walau bagaimanapun, masih ramai wanita muslim yang tidak ingin memakai tudung. Ramai yang menganggap tidak bertudung itu lebih cantik dalam menggayakan fesyen. Selain itu juga, mereka juga menganggap dengan tidak memakai tudung dapat menggayakan perbagai jenis gaya rambut dan itu lebih menawan.

Menurut Abdul Latif Smian & Nazri Muslim (2014), batik blok atau dipanggil juga sebagai batik terap merupakan teknik yang akan digunakan dalam reka corak. Batik adalah satu kraf tangan yang dapat dibanggakan di Malaysia. Batik merupakan satu seni atau kraf tangan yang dapat diterapkan pada kain yang dapat disalurkan dalam bidang tekstil. Terdapat beberapa jenis batik di Malaysia, antaranya adalah batik blok, batik lukis atau juga dipanggil batik canting, dan batik printed. Perbezaan jenis batik ini dapat dilihat daripada cara pembuatannya. Sejak dulu lagi, batik ini diminati oleh masyarakat di Malaysia terutamanya terutamanya kaum melayu. Namun, teknik yang digunakan untuk membuat batik ini telah mempunyai banyak perubahan dari masa ke masa. Cara pembuatan batik kini semakin moden dan lebih mudah. Batik blok merupakan batik yang tertua di Malaysia dan merupakan teknik batik yang pertama di Malaysia. Batik blok adalah batik yang dibuat menggunakan blok tembaga atau kayu. Blok tersebut juga dipanggil sebagai sarang. Blok mempunyai corak yang direka khas mengikut reka bentuk yang diinginkan. Corak pada kain batik mempunyai jalan penceritaannya yang tersendiri. Bukan itu sahaja, corak yang digunakan pada kain batik juga akan pengikut status masyarakat yang menggunakannya. Sebagai contoh, corak bunga kembang dan mekar digunakan untuk perempuan yang telah berkahwin manakala motif yang menggunakan bunga kucup pula adalah digunakan untuk anak gadis yang masih lagi belum berkahwin. Melalui motif ini, masyarakat dapat mengetahui status si pemakai.

Menurut Bernama (2009), motif yang digunakan untuk membuat batik blok ini adalah kebanyakannya menggunakan motif flora berbanding motif makhluk seperti haiwan, manusia. Ini kerana terikat dengan aturan agama yang melarang umat islam memakai pakaian yang berunsurkan corak haiwan. Seterusnya, bagaimana corak batik dicorakkan adalah, corak ulang atau selang seli, corak ulang batu bata, corak tompok-tompok, corak menyerong, corak melintang, corak jalur, dan corak berdiri. Corak ini penting bagi menghasilkan batik yang cantik. Batik merupakan satu seni yang sangat berharga. Namun, batik Malaysia kini semakin terancam. Ini kerana, batik merupakan satu kraf tangan, oleh itu harga batik lebih mahal berbanding kain yang dicorakkan secara printed. Masyarakat lebih gemar membeli batik printed berbanding batik asli kerana harganya lebih murah. Selain itu, batik asli memerlukan masa yang lama untuk disiapkan dan memerlukan kepakaran. Manakala batik printed dapat disiapkan dengan kadar yang banyak pada masa yang singkat. Golongan muda perlu mewarisi kraf tangan batik ini supaya tidak tenggelam zaman atau dilupakan.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Menurut Pusat Sains Negara (2020), masyarakat Malaysia kini sering membangkitkan isu-isu semasa mengenai pencemaran alam, pembakaran hutan, kepupusan haiwan dan lain-lain lagi. Namun, tanpa disedari terumbu karang juga sedang mengalami ancaman dan semakin berkurang. Untuk pertumbuhan semula terumbu karang, ia memerlukan masa yang panjang dan sangat lama. Terumbu karang merupakan sesuatu yang penting kepada manusia dan hidupan laut. Terumbu karang ini berfungsi sebagai banteng dan dapat melindungi pantai daripada ombak yang kuat. Selain itu, terumbu karang merupakan gudang makanan kepada kehidupan laut. Namun, ramai masyarakat yang kurang menyedari hal ini malah ada juga masyarakat yang tidak mengetahui tentang kekurangan terumbu karang. Kekurangan terumbu karang ini sebenarnya juga berpunca dari manusia. Tanpa disedari aktiviti manusia menyebabkan banyak terumbu karang yang rosak dan tidak dapat membesar.

Menurut Efendi, A. K. (199), antara punca yang menyebabkan terumbu karang ini semakin berkurang adalah disebabkan manusia dan alam. Faktor alam yang menyebabkan kurangnya terumbu karang ini adalah disebabkan gempa bumi dan tsunami. Gempa bumi dan tsunami menyebabkan terumbu karang hancur menjadi serpihan serpihan. Faktor alam memang tidak dapat dijangka dan manusia tidak mempunyai kuasa untuk menghalangnya. Namun, apakah punca daripada manusia sendiri yang menyebabkan terumbu karang ini semakin berkurangan? Sememangnya terumbu karang ini merupakan sesuatu yang cantik, unik dan berharga. Terumbu karang mampu menarik perhatian sesiapa yang melihatnya. Oleh itu, manusia mengambil terumbu terumbu karang daripada laut untuk dijadikan sebagai hiasan dan menjualnya dengan harga yang mahal. Selain itu, pembinaan bangunan di persisiran pantai juga secara tidak langsung menyebabkan pencemaran air laut. Selain daripada menghalang cahaya matahari untuk menembusi laut, pasir laut juga akan digali menjadi lebih dalam. Hal ini menyebabkan terumbu karang musnah dan tidak dapat tumbuh.

Menurut Hassan, N. K. (2020), aktiviti perkapalan dan pertanian juga secara tidak langsung dapat merosakkan terumbu karang tanpa disedari. Sebagai contoh, terdapat banyak terumbu karang yang pecah akibat dilanggar oleh kapal. Seterusnya, miyak kapal juga menyebabkan air laut rosak dan hidupan laut tidak dapat bernafas kerana

kurangnya oksigen. Bukan itu sahaja, terdapat juga nelayan yang menggunakan bom untuk menangkap ikan. Aktiviti ini juga secara tidak langsung menyebabkan terumbu karang pecah. Kini, masyarakat sering membuang sampah di laut dan tidak menjaga kebersihan.

Di Malaysia, terdapat banyak laut yang telah tercemar. Menurut Yaacob, M. T. (2018) Terumbu karang tidak dapat membesar dalam laut yang keruh dan kotor. Perbuatan manusia yang tidak bertauliah ini menyebabkan kurangnya terumbu karang. Sememangnya terumbu karang ini masih boleh dibiakkan semula, namun untuk melihatnya seperti asal memerlukan masa yang sangat panjang sehingga tidak dapat dijangka berapa lama masa yang akan diambil. Terumbu karang yang besar dikaji usianya adalah beratus ratus dan berjuta-juta tahun. Oleh itu, terumbu karang ini perlulah dijaga kerana ianya sangat berharga.

Menurut Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Muhammad Amir Wan Harun. (2016), pemakaian tudung adalah sesuatu yang diwajibkan oleh islam kepada wanita muslim yang telah baligh. Islam menyuruh wanita menutup aurat kerana islam memuliakan kaum wanita. Dengan memakai tudung dan menutup aurat dapat menghindari daripada fitnah dan perkara yang boleh mencemarkan maruah. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir wanita muslim yang tidak memakai tudung. Kemungkinan mereka kurang didedahkan dengan ilmu agama dan pergaulan bebas. Ramai wanita yang tidak bertudung takut untuk memakai tudung kerana risau akan perbuatan rakan-rakan mereka. Mereka menganggap jika ingin memakai tudung, mereka harus menjadi alim dan tidak boleh melakukan sebarang aktiviti bebas. Sebagai manusia, tidak akan pernah sempurna dan tidak akan pernah lari dari melakukan kesalahan. Oleh itu, tidak perlu tunggu untuk menjadi sempurna dahulu untuk mengenakan tudung kerana ia adalah satu kewajipan bagi semua wanita muslim.

Menurut Azimah Ghazali (2020), kini, tudung menjadi trend dalam berfesyen. Ramai wanita yang tertarik untuk memakai tudung kerana tudung dianggap sebagai trend. Sebelum ini, wanita lebih gemar untuk tidak bertudung dalam berfesyen. Ini kerana, mereka menganggap tidak bertudung dapat menonjolkan diri dengan fesyen rambut yang menarik dan tidak mempunyai halangan dalam berpakaian. Mereka juga menganggap tudung menjadi halangan dalam berfesyen kerana mempunyai syarat

untuk menutup aurat. Namun, tudung dapat digayakan dengan berbagai-bagai gaya yang menarik dan tudung tidak menghalang wanita dari berfesyen. Telah banyak fesyen fesyen muslimah yang telah direka yang dapat disesuaikan dengan wanita bertudung. Rekaan tudung yang cantik sebenarnya dapat menarik minat wanita untuk memakainya. Bukan sahaja wanita muslim yang tertarik untuk memakainya malah wanita bukan muslim juga tertarik untuk mencubanya. Oleh itu, rekaan tudung yang cantik ini penting untuk menarik minat wanita yang tidak bertudung untuk memakainya.

Menurut Halina Mohd Noor, Nor Hartina Shuib dan Hanneeyzah Bariah Baharin (2019), batik blok adalah batik yang pertama dikenali di Malaysia. Batik merupakan satu kraf tangan yang unggul. Namun, untuk menghasilkan batik memerlukan kepakaran dan bukan sesuatu yang mudah. Industri batik selalunya diwarisi oleh keluarga. Ini kerana, untuk menghasilkan batik bukan sahaja memerlukan kepakaran yang tinggi malah juga memerlukan modal yang besar. Kini, ramai golongan muda yang tidak mengetahui cara untuk menghasilkan batik. Ini akan menyebabkan batik mengalami ancaman untuk tenggelam zaman. Selain itu, pasaran batik kini juga semakin terancam kerana masyarakat lebih gemar untuk memakai batik printed yang dikeluarkan oleh negara jiran kerana harganya lebih murah. Masyarakat kini lebih sering bertukar-tukar pakaian yang baru.

1.2 RUMUSAN MASALAH

Terumbu karang merupakan sumber alam yang penting dan berharga. Namun, terumbu karang semakin berkurang pada masa kini. Terumbu karang memerlukan masa yang sangat lama untuk membesar dan berkembang. Oleh itu, untuk mendapatkan semula saiz asal terumbu karang yang telah rosak ini memerlukan masa yang sangat panjang iaitu ribuan dan jutaan tahun. Walau bagaimanapun, masyarakat kini kurang menyedari akan perkara ini. Ramai masyarakat membicarakan isi-isu pencemaran, kemusnahan hutan, kepupusan haiwan, namun mereka tidak menyedari terumbu karang juga semakin terancam akibat perbuatan manusia sendiri.

Tudung merupakan sejenis kain yang digunakan untuk menutup bahagian kepala. Menurut Shafiza Shafie, F. M. (2015), tudung digunakan oleh wanita muslim untuk menunaikan kewajipan dalam islam. Dalam islam, wanita diwajibkan untuk menutup aurat. Namun, masih ramai wanita muslim di Malaysia yang tidak memakai tudung dan itu menjadi perkara biasa. Ini kerana, kurangnya pendedahan dan pengetahuan agama. Selain itu, pergaulan sekeliling juga mempengaruhi cara masyarakat berpakaian. Namun, tudung kini menjadi sebahagian daripada fesyen dan trend. Ini menyebabkan ramai wanita tertarik untuk memakainya.

Batik merupakan satu kraf tangan yang berharga di Malaysia. Namun, batik di Malaysia juga semakin terancam pada masa kini. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan batik di Malaysia semakin terancam. Antaranya adalah, tidak ramai golongan muda yang tahu mengenai pembuatan batik. Oleh itu, bagaimana batik ingin diwarisi oleh golongan yang akan datang. Selain itu, harga batik juga mahal menyebabkan ramai masyarakat yang gemar membeli batik printed kerana harganya lebih murah. Namun, batik perlulah dipertahankan agar tidak tenggelam zaman.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

1. Kurangnya penggunaan motif terumbu karang ke atas reka corak batik.
2. penggunaan motif terumbu karang kurang dikenali dan kurang mendapat sambutan pada generasi kini.
3. kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai ancaman pada terumbu karang.

1.4 OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama untuk dikaji. Antaranya adalah:

1. Untuk mengenali pasti keunikan yang terdapat pada terumbu karang untuk dikaji.
2. Mengkaji cara penghasilan motif terumbu karang pada selendang menggunakan kaedah batik blok.
3. Untuk menghasilkan selendang yang mempunyai corak motif terumbu karang menggunakan kaedah batik blok.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah keunikan yang terdapat pada terumbu karang yang perlu dikaji?
2. Bagaimanakah proses untuk menghasilkan corak motif berasaskan terumbu karang menggunakan teknik batik blok?
3. Bagaimanakah motif terumbu karang dapat diaplikasikan pada selendang dalam projek yang akan datang?

1.6 ISTILAH DI DALAM PENYELIDIKAN

-Subjek matter:

Subjek matter dalam seni merujuk kepada idea utama yang diwakili dalam karya seni.

-Ekosistem:

Merupakan hubungan atau interaksi antara benda yang bukan hidup dan benda yang hidup dalam alam semula jadi.

-Trend:

Trend adalah sesuatu yang sedang dibicarakan oleh ramai masyarakat. Trend adalah sesuatu yang disukai dan dijadikan ikutan oleh sebahagian besar masyarakat pada masa tertentu.

1.6 Hipotesis

Jika penggunaan motif terumbu karang digunakan di dalam industri batik dengan meluas, maka masyarakat di Malaysia dapat diingatkan mengenai isu terumbu karang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7 MANFAAT PENYELIDIKAN

Kepentingan kepada akademik

Kepentingan kajian ini adalah dapat dilihat dari segi pendidikan terutamanya kepada sektor pengajian tinggi. Kajian ini juga penting untuk dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji baru untuk dijadikan bahan rujukan. Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada orang lain kerana dapat menambah sumber rujukan yang baru kepada pengkaji baru. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dapat mengelakkan dari berlakunya plagiarisme terhadap kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain. Bukan itu sahaja, perkara ini juga penting kerana maklumat penulisan dapat disimpan oleh sistem pengkajian masing-masing dengan selamat dan dapat mengelakkan dari berlakunya peniruan.

Kepentingan kepada masyarakat.

Masyarakat dapat memperoleh maklumat dengan mudah untuk mengetahui maklumat daripada hasil kajian. Bukan itu sahaja, masyarakat juga dapat menimba ilmu yang baru daripada kajian yang dijalankan. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dapat menyedarkan masyarakat dan memberi pengajaran kepada masyarakat untuk berjaya terutamanya dalam industri 4.0. Selain itu juga, masyarakat juga akan lebih menghargai alam semesta dan seni batik yang telah lama bertapak di Malaysia. Menerusi kajian ini juga, masyarakat akan lebih menyedari bahawa pentingnya menjaga kebersihan laut dan alam.

Kepentingan kepada industri.

Kajian ini juga membantu industri untuk kebangkan lagi idea untuk menginovasi produk yang sedia ada dan produk baru. Pihak industri boleh membuat rujukan dan memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat dan idea. Ini penting dalam membangunkan ekonomi negara. Ini kerana pihak industri dapat mengeluarkan produk baru dan dapat menginovasikan produk yang sedia ada. Secara tidak langsung dapat menarik minat dan perhatian daripada pembeli malah dapat menarik minat pelancong yang mengunjungi Malaysia.

1.8 RUMUSAN BAB

Dalam melakukan sesuatu kajian, perancangan yang jelas dan teratur perlu dilakukan terlebih dahulu. Ini kerana, untuk mengelakkan dari berlakunya sebarang permasalahan dan apa yang dirancang dapat berjalan dengan lancar. Perancangan adalah membuat persediaan dan mengatur strategi bagi mengelakkan dari berlakunya kesilapan yang besar dalam kajian yang dilakukan.

Dalam bab 1 ini, pengkaji telah membuat perancangan yang jelas mengenai kajian yang ingin dijalankan. Seterusnya, pengkaji juga memahami perkara yang yang perlu dilakukan dalam memperolehi maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Sewaktu menjalankan kajian berkaitan batik dan terumbu karang ini, ia telah memberi maklumat dan pendedahan baru kepada pengkaji dan menyedarkan pengkaji bahawa setiap seni kraftangan warisan ini sangat berharga dan sumber alam adalah sangat penting kepada manusia.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Kajian literatur adalah dimana satu kaedah pengumpulan data atau maklumat yang didapatkan daripada pelbagai sumber iaitu sumber skunder. Sumber sekunder ini adalah maklumat yang diperolehi daripada artikal, majalah, surat khabar, buku dan lain-lain lagi. Maklumat ini mengandungi maklumat atau fakta yang telah dikaji dan dihasilkan oleh pengkaji lain berkaitan mengenai topik tertentu. Dalam kajian literature ini, pengkaji menekankan mengenai aplikasi penggunaan motif terumbu karang dalam reka corak pada tudung wanita menggunakan kaedah batik blok. Bahagian ini juga menerangkan mengenai kepentingan terumbu karang kepada manusia dan kepentingan batik di Malaysia.

2.1 MOTIF BERASASKAN TERUMBU KARANG

Menurut Ruzanna Syamimi Ramli, M. P. (2011), terumbu karang merupakan sejenis sumber alam yang terdapat didasar lautan. Terumbu karang juga merupakan sejenis makhluk hidup namun terlihat seperti batu. Terumbu karang ini mempunyai pelbagai bentuk. Bentuk-bentuk terumbu karang ini sangat cantik dan unik. Terumbu karang juga mempunyai warna-warna yang cantik dan bewarna-warni. Antara warna yang terumbu karang adalah warna ungu, biru, merah jambu, kuning, jingga, putih, koko dan lain-lain lagi. Terumbu karang ini dapat dilihat sebagai hiasan laut namun mempunyai fungsi penting yang tersendiri. Terumbu karang bukan sahaja berfungsi kepada hidupan laut malah berfungsi juga kepada hidupan darat. Terumbu karang memerlukan masa yang sangat panjang untuk membesar dan membiak. Terumbu karang ini telah wujud sejak berjuta dan bermilinan tahun yang lalu. Selain itu juga, terumbu karang ini memerlukan cahaya matahari untuk membesar dengan baik. Ini menunjukkan terumbu karang berada didasar lautan yang tidak terlalu dalam kerana cahaya matahari dapat menembusi air laut sampai ke dasar. Seterusnya, terumbu karang ini memerlukan air yang jernih dan bersih untuk terus membesar dan berkembang. Jelaslah bahawa persekitaran yang bersih penting kepada hidupan laut.

Menurut Mataburu, I. B. (2015), ramai masyarakat yang tidak menyedari bahawa terumbu karang ini semakin berkurangan. Terumbu karang ini merupakan sesuatu yang sangat berharga. Untuk mendapatkan semula terumbu karang yang telah rosak menjadi ukuran saiz seperti sedia kala bukanlah sesuatu yang mudah. Ianya memerlukan masa rubuan dan jutaan tahun. Pada umumnya, umur manusia kini hanyalah mencecah 100 tahun sahaja. Oleh itu, manusia perlulah menghargai dan menjaganya dengan baik agar tidak pupus. Kekurangan terumbu karang ini bukan sahaja disebabkan oleh bencana alam namun juga disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri. Selain daripada aktiviti perikanan, terdapat juga manusia yang memungut terumbu karang ini bertujuan untuk dijual atau dijadikan sebagai hiasan. Sememangnya terumbu karang ini sangat cantik dan dapat menarik minat ramai masyarakat.

Menurut Yaacob, M. T. (2018), motif merupakan rupa bentuk asas dalam sesuatu rekaan atau gubahan. Motif adalah sesuatu objek atau perkara yang dijadikan sebagai inspirasi untuk dijadikan sebagai corak. Melalui motif, corak dapat dihasilkan daripada element yang terdapat pada motif yang telah dipilih. Corak juga merupakan susunan motif sama ada secara terancang, bebas atau taratur. Namun, bagaimanakah corak terancang? Corak terancang dihasilkan menggunakan motif yang disusun dengan teratur. Manakala, corak tidak terancang pula dilakarkan secara bebas. Terdapat banyak jenis susunan corak yang boleh dihasilkan. Antaranya susunan corak adalah susunan batu bata, selang seli, susunan beralun susunan bertindih, susunan bertentangan, susunan berpusat, susunan orgee, susunan siku keluang, pucuk rebung dan banyak lagi. Berdasarkan motif yang dipilih corak dapat dihasilkan melalui susunan corak-corak tersebut.

Motif adalah sesuatu yang penting dan asas sebelum membuat sesuatu design. Daripada motif, corak dapat dihasilkan berdasarkan element yang terdapat pada motif tersebut, iaitu dari segi warna, bentuk, corak, material yang sesuai digunakan dan sebagainya. Pemilihan motif juga amat penting. Ini kerana, masyarakat kini bukan sahaja melihat sesuatu produk berdasarkan design dan bentuk fizik semata-mata malah menilai sesuatu design tersebut melalui cerita disebalik rekaan yang dihasilkan. Ini menunjukkan, cerita disebalik motif dan design yang dihasilkan itu mempunyai nilai yang tersendiri. Bukan itu sahaja, malah melalui design dapat menyampaikan sesuatu mesej

kepada masyarakat. Contohnya seperti isu mengenai terumbu karang ini. Hal ini dapat mengingatkan masyarakat untuk mengingatkannya dan menyedarkan masyarakat untuk menjaga sumber alam semulajadi.

Untuk menghasilkan design melalui motif terumbu karang ini perlulah melalui proses dalam penghasilannya. Pada mulanya, subjek matter perlulah dilukis terlebih dahulu agar si pembuat design akan mengenali bentuk subjek matter itu dengan lebih mendalam dan terperinci. Demikian, pengkaji akan mengetahui bentuk dan sifat subjek matter itu dengan lebih terperinci dan lebih dekat. Contohnya pengkaji dapat mengetahui apa yang terdapat pada subjek matter tersebut dengan lebih jelas dari segi warnanya, bentuknya, teksturnya dan lain-lain lagi. Ini dapat memudahkan pengkaji untuk menghasilkan design atau corak menggunakan setiap elimen yang terdapat pada motif. Kemudian, motif atau subjek matter tersebut diolah menjadi corak mengikut kreativiti sendiri. Corak tersebut akan dilakarkan didalam kertas terlebih dahulu kemudian barulah corak tersebut dijadikan sebagai sarang untuk dijadikan corak pada kain menggunakan teknik batik blok.

Pemilihan motif adalah sangat penting untuk menghasilkan sesuatu reka corak yang cantik dan menarik. Kini masyarakat gemar akan sesuatu yang lain dari yang biasa. Ini bermaksud, masyarakat kini gemar akan sesuatu yang unik dan berbeza. Selain itu, masyarakat kini juga menyukai sesuatu yang baru dan diinovasi. Motif yang cantik amat penting untuk memudahkan pengkaji dalam menghasilkan sesuatu reka corak yang menarik. Oleh itu, pengkaji perlu bijak dalam membuat pemilihan untuk memilih motif. Jelaslah bahawa motif ini adalah dasar dimana sesuatu design dihasilkan.

MALAYSIA

KELANTAN

2.2 MOTIF BATIK DAN CORAK BATIK

Batik mempunyai motif yang tertentu dan yang tersendiri. Menurut A.Razak, R. (1999), motif merupakan satu subjek matter yang digunakan dalam membuat sesuatu design. Motif adalah perkara yang paling dasar yang diperlukan sebelum memulakan proses membuat batik atau sesuatu design. Walau bagaimanapun, di Malaysia, motif batik dihasilkan dalam dua bentuk utama. Antara motif batik yang terdapat di Malaysia adalah motif berasaskan geometri dan motif berasaskan organik.

Menurut Jabatan Penjara Malaysia (2016), motif geometri merupakan motif bunga kotak bercampur dan motif pucuk rebung. Manakala motif berasaskan organik pula adalah berasaskan alam semula jadi. Contoh motif organik adalah seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, awan, sumber-sumber alam dan sebagainya. Motif batik akan dibentuk pada blok logam atau besi. Motif batik ini akan diterapkan pada kain sewaktu proses menerap batik. Motif tersebut akan diubahsuai menjadi rekaan corak. Motif ini dibuat pada blok logam kemudian diterapkan pada kain batik menggunakan lilin. Walau bagaimanapun, batik di Malaysia jarang menggunakan motif fauna dan manusia. Ini dapat dikaitkan oleh faktor agama islam. Kebanyakan oleh melayu di Malaysia menganuti agama islam. Islam kurang menggalakkan kaum muslim untuk memakai pakaian yang mempunyai corak haiwan atau manusia. Oleh itu, motif batik kebanyakannya menggunakan motif berasaskan geometri dan berasaskan organik.

Menurut Mohd Zaihidee Hj Arshad (2017), corak adalah sesuatu yang berbeza daripada motif. Motif adalah satu objek yang dipilih untuk dijadikan sebagai subjek matter manakala corak pula adalah bagaimana motif tersebut dicorakkan pada kain yang akan dibatik. Corak juga terbahagi kepada dua jenis iaitu corak terancang dan corak tidak terancang. Walau bagaimanapun, corak tradisi pula telah lama dihasilkan di alam Melayu ini dan masih kekal hingga ke hari ini. Selain itu, corak dapat dihasilkan daripada pelbagai cara dan teknik. Corak terancang merupakan corak yang dihasilkan dengan menggunakan motif yang disusun. Susunan corak terancang ini disusun dengan teratur dalam susunan tertentu. Manakala, corak tidak terancang tidak mempunyai motif tertentu dan dihasilkan secara bebas. Sebagai contoh corak tidak terancang ini dihasilkan melalui kaedah tiupan, titisan, ikatan, pualaman, renjisan, percikan, celupan, tarikan dan lipatan. Seterusnya adalah mengenai corak tradisi. Corak tradisi mempunyai

motifnya yang tersendiri. Corak tradisi juga mempunyai nama-nama tertentu yang berunsurkan tradisi. Contohnya seperti Corak Bunga Kiambang, Corak Bunga Buluh dan Corak Pokok Rebung.

Menurut Legino, A. I. (2018), batik mempunyai corak yang berlainan. Antara corak yang sering digunakan di Malaysia adalah corak jalur, corak berdiri, corak menyerong, corak melintang, corak ulangan batu-bata, corak tompok-tompok dan corak ulang atau selang-seli. Ini juga menunjukkan bahawa corak berperanan untuk menentukan kedudukan motif. Corak merupakan sesuatu yang penting untuk menghasilkan batik yang cantik dan menarik. Oleh itu, corak yang digunakan mestilah bersesuaian dengan motif yang digunakan. Jelaslah bahawa motif dan corak ini saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain. Motif dan corak juga merupakan asas atau dasar yang diperlukan untuk membuat batik. Dengan adanya motif dan corak ini batik dapat dihasilkan dengan baik dan cantik.

2.3 BATIK BLOK

Menurut Rindia Fanny Kusumaningtyas (2011), batik merupakan satu kraf tangan yang tertua di Malaysia. Batik juga merupakan satu seni yang unggul dan sangat berharga. Batik memiliki nilai yang sangat tinggi. Batik juga dapat dilihat sebagai budaya tradisional orang Melayu. Batik juga diwarisi secara turun temurun sejak zaman dahulu lagi. Kebanyakan pengusaha batik kini adalah mereka mewarisi daripada keluarga. Pengusaha batik blok kini kebanyakannya mengambil alih dan meneruskan usaha daripada keluarga. Untuk membuka sebuah syarikat batik dari pada bawah bukanlah sesuatu yang mudah kerana modalnya besar dan memerlukan banyak ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang tinggi. Jelas menunjukkan bahawa batik blok bukanlah sesuatu yang mudah untuk dihasilkan.

Abdul Latif Smian & Nazri Muslim (2014), di Malaysia, batik mula diperkenalkan pada tahun 1910 khususnya di negeri Kelantan. Batik merupakan sejenis corak yang terdapat pada kain. Batik merupakan sejenis produk yang dibuat menggunakan buatan tangan. Oleh itu, kerja-kerja membuat batik ini memerlukan tenaga dan kepakaran. Pada waktu dulu, batik sangat diminati oleh masyarakat. Walau bagaimanapun, perkataan batik dipercayai berasal daripada Jawa iaitu 'ba' dan juga 'tik'. Perkataan ini membawa maksud setitis lilin. Selain daripada batik blok, terdapat beberapa lagi jenis-jenis batik yang lain iaitu batik canting dan batik printed. Walau bagaimanapun, batik blok ini juga dipanggil sebagai batik terap. Perkataan terap merupakan singkatan pembuatan dan juga merupakan kata kerja menerap iaitu membawa maksud mencetak.

Pada ketika dahulu, batik sering digunakan untuk kain sarung wanita sahaja. Design pada kain batik mempunyai cerita yang tersendiri dan tidak direka begitu sahaja. Bukan itu sahaja, kain batik sarung yang digunakan pada ketika itu juga dapat menggambarkan imej seseorang iaitu si pemakainya. Motif yang digunakan perlu mengikut status si pemakai. Sebagai contoh, motif bunga kucup digunakan oleh anak gadis yang belum berkahwin manakala motif bunga kembang adalah untuk wanita yang telah berkahwin. Dari sini, masyarakat dapat menjaga tingkah laku dan dapat mengetahui status seseorang. Selain itu juga, kain batik pada ketika itu direka khas untuk si pemakai. Ukuran kain disediakan mengikut saiz yang sesuai untuk si pemakai. Namun, kini kain batik sarung tidak lagi menggambarkan imej atau menunjukkan status pengguna.

Masyarakat kini juga tidak lagi memahami maksud dari motif tersebut dan tidak mengamalkannya lagi.

Manurut Ismail, N. H. (2015), kini batik digunakan dengan sangat meluas dan menjadi sebahagian daripada fesyen terkini. Batik digunakan dan dijadikan pelbagai barangan. Contohnya seperti pakaian, perhiasan wanita, perhiasan rumah dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, penggunaan batik sebagai busana kini semakin berkurangan terutamanya kepada generasi muda. kini, kebanyakan batik digunakan untuk pakaian umum seperti meraikan upacara majlis tertentu, pakaian kerja, baju kurung, majlis keramaian dan lain-lain lagi. Namun, ramai golongan muda yang meminati batik kerana ianya cantik dan berharga. Selain itu juga, terdapat juga golongan muda yang menjadikan batik ini sebagai inspirasi dalam rekaan baju moden. Batik sememangnya sangat cantik dan mempunyai unsur kebudayaan melayu yang turut digemari oleh pelancong.

2.4 PROSES PEMBUATAN BATIK BLOK

Menurut Samah, A. J. (1990), batik blok terbahagi kepada beberapa jenis iaitu baik blok selapis, batik blok dua lapis, batik blok tiga lapis, batik blok empat lapis dan batik blok lima lapis. Jenis batik blok ini bergantung kepada cara pembuatannya. Batik blok selapis lebih murah dan lebih mudah dihasilkan berbanding batik blok lima lapis. Lebih banyak lapisan yang dihasilkan, lebih mahal harganya dan memerlukan masa yang lebih lama untuk menyiapkannya. Walau bagaimanapun, Kaedah pembuatan batik blok adalah kaedah batik yang tertua dan yang pertama di Malaysia. Namun, pada waktu dulu, kaedah dan peralatan membuat batik blok berbeza dari yang sekarang. Menerap merupakan proses mengecap permukaan blok sarang yang dicelup pada campuran lilin panas dan cair pada kain yang dihampar di atas meja menerap. Untuk menerap corak batik ini, perlu mengikut bahagian yang telah ditetapkan dan tidak boleh sesuka hati.

Proses pertama yang dilakukan untuk membuat batik blok ini adalah, kain yang ingin digunakan untuk membuat batik mestilah direbus terlebih dahulu kemudian dijemur sehingga kering. Tujuan merebus kain ini adalah untuk menanggalkan dan menghilangkan kanji yang ada pada kain. Tujuannya adalah untuk memudahkan serapan lilin dan warna pada kain. Setelah kanji ditanggalkan pada kain, warna akan lebih mudah diserap pada kain dan warna akan meresap masuk dalam kain dengan baik. Ini akan menghasilkan warna yang cantik dan rata. Jika kanji tidak ditanggalkan terlebih dahulu, kemungkinan warna tersebut tidak meresap pada kain dengan baik dan boleh menyebabkan warna bercapuk. Selain itu, dengan adanya kanji pada kain boleh menyebabkan lilin tidak meresap pada kain dan berada pada permukaan kain sahaja. Ini menyebabkan warna dapat menembusi lilin pada kain. Oleh itu, corak yang ada pada kain tidak dapat dihasilkan dengan kemas dan cantik.

Seterusnya adalah penyediaan lilin. Parafin atau dipanggil juga sebagai lilin putih akan dipanaskan bersama rosin agar cair dan panas. Lilin mestilah panas agar lilin tersebut cair dan memudahkan proses penerapan. Lilin putih dan rosin ini dianaskan menggunakan sebuah kualiti leper. Walau bagaimanapun, nisbah campuran lilin adalah 60% adalah lilin putih manakala 40% adalah rosin. Ini menunjukkan penggunaan lilin putih lebih banyak berbanding rosin. Bancuhan lilin untuk membuat batik blok ini akan menjadi lebih keras berbanding bancuhan untuk batik canting setelah ianya sejuk. Ini

kerana, bancuhan lilin untuk membuat batik blok ini lebih keras adalah untuk mendapatkan kesan retakan pada corak. Selain itu, tujuan penggunaan lilin ini adalah bertujuan untuk menyekat warna dari memasuki ruang tertentu. Warna tidak dapat menembusi lilin dan corak dapat dihasilkan.

Kain yang telah direbus dan kering tadi akan dibentangkan di atas meja khas untuk membuat batik blok. Kain mestilah tegang dan rata untuk memudahkan proses menerap. Selain itu, ianya juga penting untuk menghasilkan batik yang kemas dan cantik. Pembuat batik perlu mengetahui bahagian-bahagian yang perlu diterap kerana batik blok mempunyai bahagian-bahagian yang tersendiri. Terdapat lima bahagian yang perlu diketahui iaitu kepala kain, kaput kiri dan kaput kanan, tanah kain, gunung kain, badan kain dan gigi kain. Setelah kain siap diterap, lilin yang berada di permukaan kain sekeloknya dibiarkan sejuk dahulu. Setelah itu barulah diteruskan dengan step seterusnya.

Seterusnya adalah proses mewarna. Kain yang telah siap diterap akan dicelupkan didalam air garam terlebih dahulu. Setelah itu barulah kain tersebut dimasukkan dalam warna yang diinginkan. Kain akan dimasukkan secara perlahan dan sedikit demi sedikit. Kain akan dibuka supaya warna dapat masuk pada semua bahagian pada kain. Kain akan dimasukkan dalam warna secara perlahan dan biarkan warna naik pada kain dengan sendirinya dan kain akan dimasukan dalam warna secara perlahan setelah air naik pada kain dengan sendirinya. Tujuannya adalah untuk meratakan warna pada kain dan warna tidak bercapuk. Ini juga penting untuk menghasilkan batik yang cantik dan kemas. Setelah kesemua bahagian kain telah direndam pada warna, kain tersebut akan diratakan di dalam warna. Kemudian kain tersebut diangkat setelah dikenal pasti warnanya telah rata pada keseluruhan kain.

Setelah siap proses mewarna, kain tersebut akan dijemur sebelum lilin dibersihkan pada kain. Tujuannya adalah untuk proses menerap untuk kali ke dua dan seterusnya. Ianya bergantung juga kepada jenis batik dan lapisan warna yang diinginkan. Kain akan dijemur dibawah bumbung agar tidak terkena cahaya matahari yang terik untuk menjaga kelunturan warna. Setelah seharian kain dijemur, barulah kain diangkat dan melalui proses seterusnya. Proses yang sama akan berulang iaitu kain akan diterap semula dan dicelupkan warna. Proses ini diulang mengikut jenis batik tersebut. Jika batik tersebut

adalah batik blok tiga lapis, proses tersebut akan berulang sebanyak tiga kali. Manakala, jika batik tersebut adalah batik blok lima lapis, proses tersebut diulang sebanyak lima kali dan begitu juga dengan batik blok yang kain.

Setelah batik tersebut telah siap melalui proses menerap dan mewarna, kain akan direbus dengan air yang dicampur dengan soda ash. Soda ash merupakan sejenis bahan kimia berupa sodium karbonat. Penggunaan soda ash ini adalah untuk menanggalkan dan membersihkan lilin semasa kain direbus. Proses ini merupakan proses dimana kain dibersihkan dengan menanggalkan lilin pada kain. Setelah lilin ditanggalkan pada kain, kain batik tersebut akan dibersihkan dan dicuci terlebih dahulu. Setelah kain siap dibilas, kain tersebut akan dijemur sehingga kering. Setelah kering kain batik tersebut akan dilipat dengan kemas samada untuk dipasarkan atau juga untuk dipakai dan digunakan.

2.5 PERALATAN DAN BAHAN YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT BATIK BLOK

Untuk membuat batik blok, terdapat bahan-bahan dan peralatan yang digunakan khas untuk membuat batik blok. Sebelum membuat batik blok, pembatik mestilah memastikan bahan dan peralatan yang diperlukan lengkap terlebih dahulu. Ini bertujuan untuk memudahkan dan melancarkan proses membuat batik blok.

Menurut Siti Aisyah Amilin binti Hassan, M. G. (2018), antara bahan yang diperlukan untuk membuat batik blok ini adalah kain putih. Kain putih ini adalah kain dasar yang hendak dibatik. Kain yang perlu digunakan perlu mengikut kesesuaian. Antara kain yang sesuai digunakan adalah kain kapas. Kain putih ini perlu direbus terlebih dahulu sebelum digunakan. Tujuannya adalah untuk menanggalkan kanji pada kain.

Seterusnya adalah campuran lilin. Penggunaan lilin mula diperkenalkan pada tahun 1930an di negeri Kelantan iaitu Pantai Timur. Parafin iaitu lilin putih dipanaskan bersama bahan campuran yang lain iaitu rosin. Cairan lilin ini digunakan untuk menyekat warna dari memasuki ruang-ruang tertentu mengikut design yang ada pada blok sarang. Jumlah campuran rosin dan lilin adalah 40% adalah rosin manakala 60% adalah lilin putih. Walau bagaimanapun, cairan lilin untuk membuat batik blok ini lebih pekat dan keras berbanding batik canting. Ini bertujuan untuk mendapatkan kesan retakan pada corak kain batik.

Pewarna merupakan bahan pencelup untuk mewarna kain batik. Warna batik terbahagi kepada dua jenis iaitu warna naftol (naphthol) dan ramason. Warna ramason adalah warna yang dibuat daripada sumber alam semula jadi manakala warna naftol ini merupakan pewarna kimia untuk mewarna batik. pewarna kimia ini diperkenalkan di Malaysia oleh pedagang-pedagang dari bangsa asing. Warna naftol ini juga merupakan pewarna kimia yang dadapati daripada berbagai zat kimia dan merupakan warna buatan. Sifat warna naftol ini adalah menghasilkan warna yang varian yang jauh lebih banyak dari warna yang diperbuat daripada sumber organik. Ianya juga menghasilkan warna yang terang.

Soda ash merupakan bahan kimia berupa sodium karbonat. Tujuan penggunaan bahan ini adalah untuk menanggalkan dan membersihkan lilin yang terdapat pada kain. Soda ash ini digunakan semasa proses merebus kain. Proses ini juga merupakan proses terakhir sebelum kain dibasuh, dibilas dan dijemur. Jelaslah bahawa soda ash ini bertujuan untuk menanggalkan lilin pada kain semata-mata.

Seterusnya adalah peralatan yang digunakan untuk membuat batik blok. Menurut Yusop, M. S. (2015), antara peralatan yang diperlukan untuk membuat batik blok ini adalah blok sarang. Pada waktu dulu, masyarakat menggunakan ubi kentang untuk mengecap batik bagi menghasilkan corak pada kain. Namun, Blok ubi kentang tidak dapat bertahan lama kerana ianya mudah rosak. Blok ubi kentang hanya dapat bertahan sehari sahaja. Setelah sekian lama, Haji Che Su daripada Kelantan telah menggunakan blok kayu untuk mengecap batik pada tahun 1940-an. Namun, blok kayu ini juga mudah rosak kerana ianya cepat patah setelah digunakan beberapa kali. Walau bagaimanapun, selepas penggunaan blok kayu, blok logam telah diperkenalkan. Dengan adanya blok logam ini, corak dapat dihasilkan dengan lebih halus, terperinci, berkualiti dan seragam. Blok ini juga dipanggil sebagai sarang. Terdapat dua jenis blok sarang ini iaitu artline dan padat. Batik blok yang menggunakan blok jenis artline ini dapat diwarnakan manakala blok jenis padat tidak dapat diwarnakan. Selain itu juga, blok jenis padat ini lebih teliti dan rumitkan. Untuk menghasilkan blok perlu mengambil masa seminggu namun untuk blok-blok yang lebih rumit akan mengambil masa sebulan untuk menyiapkannya.

Peralatan seterusnya adalah kualiti leper dan kawah kualiti besar. Tujuan penggunaan kualiti leper ini adalah untuk memasak campuran lilin. Lilin putih dan rosin akan dipanaskan dan dicairkan didalam kualiti leper tersebut. Manakala kawah besar pula adalah untuk mencelup, merendam atau merebus kain. Selain daripada kualiti leper dan kawah besar ini, dapur gas juga diperlukan. Dapur gas ini adalah bertujuan untuk memasak dan memanaskan campuran lilin yang akan dipukul.

Seterusnya adalah meja. Meja khas diperlukan dalam membuat batik blok. Meja yang digunakan dalam membuat batik blok ini mempunyai lapisan-lapisan yang tertentu. Pada

waktu dulu, masyarakat menggunakan bahan alam sebagai lapisan meja. Mereka menggunakan sekam padi, guni dan kelopak pisang sebagai pelapik meja sewaktu proses penerapan dilakukan. Walau bagaimanapun, kini lapisan yang terdapat pada meja yang digunakan adalah span basah yang dibaluti dengan plastik kaca. Tujuan penggunaan span basah yang dibaluti plastik kaca ini adalah kerana membolehkan proses penyejukan lilin apabila lilin berada di atas kain atau fabrik. Ini bermaksud, sewaktu proses penerapan, lilin akan mudah sejuk dan mengeras.

2.6 FESYEN WANITA BERHIJAB

Menurut Norulzaila Ismail, N. A. (2019), di Malaysia, tudung menjadi keperluan kepada kebanyakan wanita. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara islam. Kini, tudung juga telah menjadi sebahagian daripada trending. Walau bagaimanapun, fesyen juga merupakan salah satu cara untuk berdakwah. Fesyen sangat berperanan dalam mengubah penggayaan industri fesyen tempatan. Kini, terdapat banyak kehadiran pereka fesyen yang bukan sahaja sebagai pencetus gaya malah berperanan dalam mendidik dan menarik minat masyarakat untuk tampil dengan penampilan yang bersesuaian dengan agama dan budaya.

Menurut Altira, A. N. (2016), sebelum ini, ramai masyarakat yang menganggap fesyen tidak sesuai untuk wanita muslimah. Mereka menganggap bahawa berhijab menghalang mereka dari berpenampilan cantik dan anggun. Walau bagaimanapun, kini telah banyak pereka fesyen yang mengeluarkan rekaan fesyen yang menarik untuk wanita yang berhijab. Ramai masyarakat tertarik dengan penampilan rekaan fesyen wanita muslimah. Walaupun fesyen wanita berhijab ini perlu mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh islam, namun rekaan tersebut sangat menarik menyebabkan masyarakat terpegun dan ingin berpenampilan seperti itu.

Menurut MARZUKI, S. B. (2014) islam telah menetapkan syarat untuk berpakaian. Wanita muslim tidak boleh berpakaian menyerupai lelaki. Mereka juga diwajibkan untuk menutup aurat iaitu semua tubuh mereka kecuali muka dan pergelangan tangan sahaja.

Wanita muslimah perlu menutupi bahagian kepala, rambut dan leher. Baju yang dikenakan tidak boleh menampakkan bentuk tubuh dan warna kulit. Jelas menunjukkan penampilan wanita muslim ini tidak mengiurkan mata yang memandang. Namun, rekaan fesyen yang cantik untuk wanita berhijab kini mampu menarik perhatian masyarakat untuk berpenampilan muslimah. Walaupun penampilan wanita muslimah ini menutupi kecantikan wanita, namun fesyen wanita berhijab ini mampu menaikkan seri dan mempersonakan.

Menurut Yusra, N. (2013), Malaysia merupakan negara yang memberikan hak kepada individu sendiri untuk memilih cara mereka berpenampilan. Oleh itu, masih terdapat ramai wanita muslim yang tidak mengenakan tudung di Malaysia. Oleh itu, fesyen memainkan peranan penting untuk menarik minat mereka untuk memakai tudung tanpa rasa segan silu. Keadaan sekeliling juga memberi peranan dalam cara berpakaian. Ramai wanita yang tidak berhijab tertarik untuk memakai tudung setelah tudung menjadi sebahagian daripada trending. Oleh itu, pereka fesyen memainkan peranan penting dalam mencorakkan gaya hidup masyarakat di Malaysia.

Menurut FAKULTAS SYARIAH UIN RADEN INTAN LAMPUNG (2018), terdapat banyak kebaikan kepada wanita yang memakai hijab. Antara kebaikan yang diperolehi daripada memakai tudung ini adalah dapat melindungi diri daripada gangguan seksual. Selain itu juga, wanita berhijab juga tidak perlu membuang masa untuk menghias bahagian kepala. contohnya seperti membuat dandanan rambut untuk memastikan rambut kemas dan cantik. Seterusnya, dengan memakai hijab juga dapat melindungi kepala daripada bahang matahari. Sememangnya iklim di Malaysia agak panas yang menyebabkan kepala akan cepat panas apabila terkena cahaya matahari dan boleh menyebabkan kerosakan rambut dan tisu kulit kepala. Bukan itu sahaja, masyarakat sekeliling juga akan lebih menghormati wanita yang berhijab, bukan sahaja di Malaysia malah di negara luar juga seperti di Amerika dan di negara barat yang lain. Ini kerana negara barat kini lebih memahami islam berbanding negara timur. Jelas menunjukkan, berhijab mendatangkan banyak kebaikan kepada individu yang memakainya itu sendiri.

2.9 Jenis Hijab

Manurut Nurrul Asmar Binti Azhan, H. R. (2014), terdapat banyak jenis fesyen kain tudung yang dipakai oleh wanita pada abad ini. Antara keluaran tudung yang tersahur di Malaysia pada masa kini adalah seperti Naelofar Hijab, Aidijuma Scarf, Radiusite, Sugarscarf, Ariani, Tudungruffle, Duckscarves dan lain-lain lagi. Wanita kini sanggup mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli tudung yang berjenama dan mahal. Walau bagaimanapun, terdapat banyak keluaran tudung yang harganya mampu milik dan berpatutan. Ini bermaksud, penggunaan kain tudung tidak sama sekali akan membebankan si pemakai. Kini, banyak rekaan tudung yang cantik dan dikenakan dengan berbagai gaya.

Menurut Saniah Ahmad, Z. A. (2020), reka bentuk tudung di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu tudung segi empat atau skaf dan selendang panjang. Selendang adalah hijab yang diperbuat daripada sehelai kain yang dipotong menjadi ukuran panjang kain adalah 1 meter hingga 1.5 meter. Manakala kelebaran kain selendang pula adalah dari 18 inci hingga 22 inci. Seterusnya, selendang yang berukuran standard pula mempunyai panjang ukuran saiz adalah 1.75 meter serta mempunyai lebar kain sekitar 20 inci atau 0.5 meter. Walau bagaimanapun, kini saiz selendang pada masa kini telah berubah telah berubah mengikut peredaran fesyen. Kini, saiz selendang adalah lebih panjang. Ukuran selendang pada masa kini adalah antara 1.8 meter hingga 2.1 meter dengan kelebaannya adalah 0.65 meter atau 26 inci 0.75 meter hingga 30 inci. Hal ini terjadi kerana ramai wanita kini lebih kreatif dalam menggayakan selendang dengan berbagai cara dan lilitan.

Seterusnya adalah skaf. Bentuk skaf ini terhasil daripada kain yang dipotong menjadi bentuk segi empat sama. Kelebaran bukaan kain atau juga dipanggil sebagai bidang kain ini adalah 45 inci atau 1.13 meter dan 36 inci atau 0.9 meter. Sewaktu zaman 70-an hingga 1990, kebanyakan ukuran bidang saiz skaf ini lebih kecil berbanding yang sekarang. Ukuran zain pada waktu itu adalah 22 inci atau 0.55 meter hingga 36 inci atau 0.9 meter sahaja. Kini, ukuran bidang skaf semakin labuh iaitu terdapat kelebaran kain bidang 50 inci, 55 inci dan 60 inci. Namun, saiz standar yang sering digunakan adalah bidang 45 inci.

Menurut Shafiza Shafie, F. M. (2015), kini, telah banyak keluaran tudung di Malaysia. Kebanyakan keluaran tudung ini disasarkan kepada golongan yang sederhana iaitu golongan pertengahan. Selain itu, warna tudung juga telah berubah dari masa ke masa mengikut trend semasa. Kini, masyarakat gemar menggunakan tudung atau pakaian yang berwarna pastel. Warna ini terdiri daripada semua warna namun warna pastel ini banyak dicampur dengan warna putih. Oleh itu warnanya agak lembut dan lebih muda dan tidak terang. Sebelum ini, masyarakat menggemari warna yang digelar atau dikenali sebagai *colour block* iaitu sekitar tahun 2011 hingga 2014. *Colour block* merupakan gabungan warna yang bertentangan iaitu warna sejuk dan warna panas. Contohnya seperti warna kuning dipadankan dengan warna hijau atau merah dipadankan dengan warna biru.

Untuk membuat skaf dan selendang ini, pelbagai jenis fabrik telah digunakan sejak dulu hinggalah sekarang. Pada waktu dulu, kain yang digunakan untuk membuat kain tudung adalah seperti *Georgette*, sutera, polister dan *jersey*. Manakala kain selendang pula menggunakan kain dari kategori *light weight* yang mempunyai ciri seperti nipis dan jarang. Contohnya adalah seperti *lace*, *oganza*, *net* dan *chiffon* dan dihiasa dengan reka corak sulaman seperti manik dan sekuin. Bukan itu sahaja, terdapat kain untuk skaf yang digemari dan popular pada akhir tahun 90-an iaitu kain *cotton voile*. Kain ini merupakan material yang jarang dan juga nipis. Kini, masyarakat masih menggunakan kain kategori *light weight* untuk selendang dan sehingga kini juga masyarakat masih menggemari kain *cotton voile* atau dikenali juga sebagai kain bawal kerana ianya selesa dan cantik.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.8 RUMUSAN KAJIAN LEPAS

Kajian	Motif	Batik	Terumbu Karang	Fesyen Tudung
A.Razak,R.(1999)	/	/		
Abdul Latif Samian, N. M. (2014)		/		
Altira, A. N. (2016)				/
Efendi, A. K. (1994)			/	
Hassan, N. K. (2020)			/	
Ingrid Sembiring, A. W. (2012)			/	
MARZUKI, S. B. (2014)				/
Ismail, N. H. (2015)		/		
Norulzaila Ismail, N. A. (2019)				/
Wan Siti Adibah Wan Dahalan, H. Y. (2020)			/	

Jadual 2.1: Analisis Kajian Lepas

2.9 RUMUSAN BAB

Kesimpulannya, Kajian lepas merupakan perkara penting dalam proses mendapatkan maklumat atau data dengan lebih mendalam dan lebih terperinci. Kajian ilmiah dan buku mempunyai banyak maklumat yang lebih mendalam dan terperinci yang membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Melalui kajian lepas, pengkaji perlu mencari maklumat dengan teliti untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pembacaan yang teliti juga penting agar pengkaji tidak ketinggalan maklumat yang penting dan berkaitan. Hasil dari pembacaan ini, pengkaji akan menjadi lebih teliti terhadap kajian yang dilakukan disamping dapat menambah maklumat yang baru pada kajian yang dilakukan. Walau bagaimanapun, dalam bab ini pengkaji telah menerangkan secara ringkas mengenai batik blok, terumbu karang dan juga kain tudung yang digunakan oleh kaum hawa.

BAB 3
METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan cara, kaedah dan satu pendekatan kajian yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian dengan lebih tepat, konsisten dan sistematik. Tujuan penggunaan metodologi ini adalah untuk mendapatkan hasil dapatan kajian dengan lebih terperinci mengenai penggunaan kaedah dengan mengembangkan proses kajian yang dilakukan. Walau bagaimanapun, pengkaji telah merangka struktur pendekatan kajian agar maklumat dan hasil perolehan kajian dilakukan dengan cara yang betul dan maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Oleh itu, dalam kajian ini juga terdapat maklumat mengenai sample kajian, reka bentuk kajian, instrument kajian dan proses menganalisis data yang digunakan untuk memerolehi dapatan kajian ini.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Kajian kes merupakan satu kaedah latihan yang menjadikan keadaan tertentu sebagai bahan dan sumber akademik. Kajian adalah satu deskripsi tentang sesuatu keadaan yang telahpun terjadi dan dapat dijadikan sebagai pelajaran dalam bidang pendidikan dan akademik. Sesuatu kajian akan bermula daripada peringkat mengenalpasti sesuatu peristiwa yang berlaku. Kajian yang dilakukan pada kajian ini adalah, aplikasi motif terumbu karang dalam reka corak pada hijab wanita menggunakan kaedah batik blok. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu memperoleh maklumat melalui kaedah temu bual, kajian internet dan kajian perpustakaan.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Jenis rekabentuk dalam konteks rekabentuk penyelidikan ini adalah kaedah kualitatif. Kajian kualitatif dijalankan bertujuan untuk memperolehi kefahaman terhadap sesuatu yang ingin dikaji. Bukan itu sahaja, kajian kualitatif juga dijalankan untuk mendapatkan sesuatu maklumat yang diinginkan. Ini kerana, kajian yang berbentuk kualitatif perlu digunakan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam dan lebih terperinci. Persoalan yang dikemukakan juga dapat dijawab dengan adanya kajian kualitatif ini.

Kajian ini menggunakan kaedah rekabentuk kualitatif untuk mendapatkan maklumat. Ini kerana, kajian membentuk teknik pengumpulan data secara temu bual. Selain itu, kajian ini juga dijalankan melalui kajian internet dan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kajian yang dijalankan. pengumpulan data akan dilakukan semasa temu bual dengan pengusaha industri batik blok dan masyarakat yang berada di Malaysia. Tujuan menemubual masyarakat Malaysia yang lain adalah bertujuan untuk mengetahui mengenai terumbu karang dan tudung kepala yang digunakan oleh kaum wanita di Malaysia.

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Terdapat dua kaedah dalam proses pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini bagi memperolehi maklumat iaitu maklumat primer dan maklumat skunder. Maklumat prime adalah maklumat yang tidak boleh diperolehi secara langsung dan merupakan sumber pertama. Data ini diperolehi daripada menemubual. Manakala data sekunder pula diperolehi daripada kajian ilmiah dengan merujuk sumber-sumber bacaan. Contohnya seperti jurnal, buku, majalah, artikel serta bahan daripada laman sesawang. Data ini juga merupakan data yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu dan telah dikumpulkan bersama.

3.3.1.1 Cara-cara pengumpulan data

Persoalan Penyelidikan	Jenis Data	Instrumen	Cara mendapatkan Data
Apakah jenis teknik-teknik batik yang terdapat di Malaysia?	Pemerhatian dan rujukan.	Catatan dan temubual	Pemerhatian
Apakah material yang sesuai digunakan untuk membuat selendang berasaskan teknik batik blok?	Pemerhatian, rujukan dan pendapat.	Temubual, rujukan	Temubual, Pemerhatian
Adakah terumbu karang sesuai dijadikan motif reka corak batik blok?	Rujukan dan pendapat.	Temubual, rujukan	Pemerhatian, temubual
Apakah teknik lain yang boleh digunakan dalam menghasilkan batik blok?	Pemerhatian, rujukan dan pendapat.	Temu bual, pemerhatian, rujukan.	Pemerhatian, temubual, rakam gambar
Siapakah yang akan menjadi sasaran pengguna kepada produk selendang bermotifkan terumbu karang?	Rujukan, pemerhatian dan pendapat.	Temu bual, pemerhatian.	Pemerhatian, Temubual.

Jadual 3.1: Kaedah pengumpulan data.

3.3.1.2 Data Prime

1) Temubual

Dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan, pengkaji telah menjalankan kaedah temubual ini secara formal dan tidak formal. Temubual secara tidak formal ini dijalankan antara pengkaji dan pemilik industri dan juga pekerja-pekerja industri. Soalan yang diajukan secara spontan adalah mengenai kajian yang dijalankan termasuklah dalam membuat produk dalam projek akhir ini. Temubual dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat tambahan dengan lebih jelas dan lebih mudah difahami. Selain itu, pengkaji juga telah menemubual pemilik industri dan pekerja-pekerja industri mengenai teknik yang boleh digunakan dalam mewarna batik blok.

2) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ini digunakan secara rambang bagi mendapatkan maklumat dan idea. Pemerhatian ini dijalankan secara tidak formal melalui pemerhatian dalam penghasilan batik blok oleh pembuat batik di Ruzgahara Batik. Selain itu juga, pengkaji juga turut membuat pemerhatian secara maya iaitu di Youtube mengenai cara proses membuat batik blok dan teknik Tie and Dye. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat memahami dengan lebih jelas mengenai cara dan teknik yang digunakan untuk membuat batik blok ini.

3.3.1.3 Data Sekunder

Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji telah mendapatkan maklumat-maklumat serta bahan rujukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok. Kajian perpustakaan ini turut memberi kemudahan kepada pengkaji dalam mencari maklumat mengenai kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Daripada kajian pustaka ini, kajian ini sangat membantu dan memberi banyak maklumat mengenai sejarah batik di Malaysia. Sepanjang kajian pustaka ini dijalankan, pengkaji telah menggunakan kaedah historikal dalam menjalankan kajian. Kaedah historikal ini adalah kaedah kajian yang dilakukan dengan cara mengkaji beberapa aspek yang lalu samada melalui penelitian melalui document-dokument yang terdahulu seperti koleksi bersejarah, jurnal atau buku.

1) Buku

Terdapat beberapa buku rujukan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan dan boleh dijadikan sebagai rujukan bagi menghasilkan kajian yang dijalankan ini. Seterusnya, melalui rujukan buku juga, pengkaji memperoleh maklumat yang tepat dan juga bukti yang sahih yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

2) Tesis

Melalui penghasilan kajian ini, pengkaji turut merujuk tesis yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan. Tesis ini diperolehi daripada internet dan juga melalui dari perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok. Tesis yang terdahulu telah menjadi rujukan dalam menyiapkan kajian ini.

3) Internet

Bagi memperoleh dan meneliti maklumat yang lebih mendalam dan terperinci mengenai kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah membuat rujukan di internet. Melalui internet, pengkaji memperoleh sedikit sebanyak maklumat melalui laman sosial seperti Instagram dan Facebook mengenai perkara yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

4) Artikel

Rujukan artikel juga turut digunakan dan membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Melalui artikel juga dapat membantu pengkaji dalam menyelidik dengan lebih mendalam tentang kajian ini. Pengkaji memperoleh rujukan artikel ini melalui sumber internet dan juga rujukan perpustakaan.

MALAYSIA

KELANTAN

3.4 INSTRUMEN / ALAT YANG DIGUNAKAN

1) Kamera

Kaedah ini digunakan untuk merakam visual semasa proses kajian dijalankan. kaedah ini juga dilakukan sebagai rujukan kepada pengkaji untuk meneliti semula tujuan kajian yang ingin dihasilkan dalam kajian ini. Visual yang diperolehi dapat dijadikan sebagai lampiran dan juga inspirasi kepada pengkaji dalam menjalankan kajian.

2) Buku Catatan

Buku catatan digunakan sebagai satu cara bagi mendapatkan maklumat-maklumat penting dan mencatat segala pengisian penting bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajian terutamanya semasa temubual dijalankan.

3.5 ANALISIS DATA

Analisis kajian merupakan proses pengolahan maklumat. Maklumat yang diperolehi akan diolah dan menjadi satu penemuan ilmiah yang baru. Tujuan analisis maklumat ini dilakukan adalah untuk memberi satu kefahaman terhadap data-data kajian yang dapat menghasilkan satu kesimpulan ke atas seluruh kajian.

Menurut Tylor (1975), analisis data adalah dimana satu proses untuk merumuskan hasil kajian secara jelas sebagai usaha untuk membantu hipotesis yang dilakukan secara fomal. Selain itu, analisis data juga adalah satu kaedah yang dilakukan secara deskriptif. Kaedah ini juga sesuai digunakan untuk meletakkan gambaran awal terhadap maklumat-maklumat yang diperolehi secara keseluruhan hasil daripada kajian yang dijalankan. Bukan itu sahaja, bentuk kajian analisis data ini juga turut mengandungi diagram, jadual dan lain-lain lagi.

3.6 RUMUSAN BAB

Keseluruhannya, bab ini menerangkan mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam projek penyelidikan ini. Seperti yang telah dinyatakan, metodologi merupakan sesuatu yang penting untuk menjalankan sesuatu penyelidikan. Ini kerana, tanpa kaedah yang betul, kajian yang dijalankan tidak dapat dijalankan dengan baik dan lancar. Demikian, dengan mengikut kaedah kajian yang telah dirancang dapat membantu pengkaji untuk melakukan kerja-kerja berkaitan dengan penyelidikan.

Sebelum menentukan kaedah atau metodologi dalam kajian yang ingin dijalankan, pengkaji perlu mengetahui jenis kajian yang dilakukan terlebih dahulu. Ini kerana, pengkaji dapat menentukan metodologi kajian yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Jika pengkaji menggunakan kaedah metodologi kajian yang salah dan tidak bersesuaian dengan kajian, maka maklumat yang diperolehi tidak relevan atau tidak sesuai dengan kajian. Jelaslah menunjukkan metodologi kajian ini sangat penting untuk melakukan sesuatu kajian.

3.6 RUMUSAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan respondent. Ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang ingin diketahui dan dapat mengukuhkan lagi kajian ini. Selain itu, pengumpulan data juga diperolehi daripada sumber bacaan. Contohnya bahan bacaan daripada sumber internet seperti artikel, akhbar dan jurnal. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan jelas. Selain itu juga, pencarian maklumat melalui bahan bacaan ini akan membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam.

BAB 4

PRODUK PENYELIDIKAN

4.0 PENGENALAN

Terumbu karang adalah sejenis sumber alam semulajadi yang terdapat di lautan. Terumbu karang telah lama wujud iaitu sejak berjuta tahun yang lalu. Terumbu karang adalah sesuatu yang sangat cantik dan unik. Terumbu karang juga dapat dilihat seperti hiasan laut namun ianya mempunyai fungsi yang tersendiri. Ianya dapat bertindak sebagai banteng serta menjadi perlindungan pantai terhadap ombak yang kuat. Selain itu juga, ianya berfungsi kepada kedihupan laut. Sebagai contoh, dapat menjadi tempat perlindungan kepada anak-anak ikan daripada pemangsa. Walau bagaimanapun, terumbu karang mempunyai pelbagai bentuk dan warna yang sangat indah dan harmoni. Jelas menunjukkan bahawa terumbu karang merupakan asset negara yang bernilai dan sangat berharga.

Kini, terumbu karang semakin terancam dan tercondong kepada kepupusan. Walau bagaimanapun, masih ramai masyarakat yang kurang menyedari hal ini. Terumbu karang memerlukan masa yang sangat lama untuk membesar. Kerosakan terumbu karang ini disebabkan oleh faktor bencana alam dan perbuatan daripada manusia sendiri. Walau bagaimanapun, terumbu karang ini sangat bernilai dan dapat menjadi asset negara. . Terumbu karang mempunyai bentuk-bentuk yang menarik dan pelbagai. Terumbu karang sangat cantik dan terlihat seperti hiasan laut. Selain itu juga, terumbu karang mempunyai tekstur yang tersendiri mengikut jenis-jenisnya. Seterusnya, terumbu karang mempunyai warna-warna yang sangat cantik dan harmoni. Terdapat warna terang dan juga warna-warna pastel pada terumbu karang.

Mengenai batik, batik merupakan satu kraf tangan yang unggul di Malaysia. Batik merupakan seni tekstil yang berasal daripada negara Asia. Di Malaysia, kebanyakan industri batik terletak di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Di Malaysia, kebanyakan batik menggunakan motif flora dan jarang menggunakan motif makhluk hidup seperti haiwan atau manusia selaras dengan larangan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, motif serangga seperti rama-rama banyak digunakan dalam batik di

Malaysia. Terdapat juga corak geometrik yang sering digunakan dalam pembuatan batik di Malaysia. Warna batik yang sering digunakan di Malaysia adalah warna-warna yang lebih cerah.

Asal usul batik di Malaysia masih belum diketahui dengan jelas. Namun, pembuatan batik telah wujud sejak seribu tahun yang lalu. Kini, pembuatan batik masih dilakukan di Malaysia malah telah berkembang ke peringkat yang lebih tinggi dan ke peringkat antarabangsa. Pada waktu dahulu, batik hanya digunakan untuk kain sarung sahaja. Kini, perkembangan batik semakin meningkat. Batik dijadikan sebagai salah satu fesyen dunia. Batik kini digunakan untuk dijadikan pelbagai-bagai produk terutamanya dalam bidang pakaian. Batik digunakan pada baju, hijab wanita, beg, kasut dan banyak lagi. Penggunaan batik kini semakin meluas dan berkembang dengan jayanya.

Batik dicorakkan daripada pelbagai jenis perletakan. Antaranya adalah corak ulang atau selang seli, corak ulang batu bata, corak tompok-tompok, corak menyerong, corak melintang, corak jalur, dan corak berdiri. Melalui susunan ini corak dapat disusun dengan pelbagai cara dan akan kelihatan lebih cantik. Setiap motif yang digunakan mempunyai cerita disebalik blok yang dihasilkan. Blok tidak direka begitu sahaja melainkan ada sejarah dan cerita disebalik penghasilan blok tersebut. Begitu juga dengan blok yang dihasilkan daripada motif terumbu karang ini.

4.1 PENYATA REKAAN


Pemilihan motif untuk menghasilkan reka corak batik ini adalah terumbu karang. Terumbu karang dipilih sebagai motif adalah kerana terdapat beberapa faktor yang menarik yang terdapat pada terumbu karang ini. Terumbu karang merupakan sumber alam semulajadi yang dapat menjadi asset negara. Bentuk dan permukaan yang terdapat pada terumbu karang ini telah diolah menjadi satu reka corak blok. Rekaan batik yang dihasilkan ini menggunakan kaedah batik blok dan canting. Namun begitu, kaedah pembuatan batik ini lebih tertumpu kepada kaedah batik blok. Penggunaan warna ke atas rekaan batik ini dirujuk berdasarkan beberapa perkara. Antaranya adalah, warna dipilih berdasarkan warna yang terdapat pada terumbu karang itu sendiri. Selain itu, pemilihan warna juga dibuat berdasarkan warna trending atau warna yang diminati masyarakat pada masa kini. Melalui teknik yang digunakan, penghasilan batik blok menggunakan motif terumbu karang ini dilakukan terlebih dahulu ke atas sample kain yang berukuran 1 meter untuk dijadikan selendang.

4.2 Motif Reka Corak


Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah memilih motif terumbu karang sebagai bahan kajian utama. Pengkaji tertarik untuk mengkaji terumbu karang sebagai motif adalah kerana, terdapat beberapa faktor yang menarik yang terdapat pada terumbu karang ini. Antara faktor yang pertama adalah daripada terumbu karang itu sendiri. Terumbu karang mempunyai bentuk-bentuk yang menarik dan pelbagai. Terumbu karang sangat cantik dan terlihat seperti hiasan laut. Terumbu karang juga mempunyai warna-warna yang sangat cantik dan harmoni.

Faktor yang kedua adalah kerana isu-isu semasa mengenai terumbu karang. Kini, terumbu karang semakin terancam dan terdenderung kepada kepupusan. Walau bagaimanapun, masih ramai masyarakat yang tidak mengetahui hal ini. Terumbu karang memerlukan masa yang sangat lama untuk membesar. Kerosakan terumbu karang ini disebabkan oleh faktor bencana alam dan perbuatan daripada manusia sendiri. Walau bagaimanapun, terumbu karang ini sangat bernilai dan dapat menjadi asset negara.

Dalam penghasilan produk, Pengkaji telah mengambil bentuk dan permukaan yang terdapat pada terumbu karang ini untuk dijadikan sebagai design blok. Bentuk dan teksture yang terdapat pada terumbu karang ini telah digabungkan menjadi satu bentuk yang baru dan dijadikan sebagai design blok. Bentuk yang dihasilkan itu terlihat lebih harmoni dan ceria. Ini adalah bertujuan untuk menyesuaikan reka corak tersebut dengan pengguna iaitu golongan remaja dan wanita dewasa. Blok ini mempunyai dua saiz yang berbeza. Bentuk blok tersebut seakan-akan sama bentuk namun ada sedikit yang berbeza. Ini adalah bertujuan untuk menghasilkan design selendang yang mempunyai corak bebas yang terlihat seperti bertaburan. (Rujuk gambar, 4.1, 4.2, 4.3)



Gambar 4.1 : Lakaran Motif Terumbu Karang untuk blok satu
(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)



Gambar 4.2 : Lakaran Motif Terumbu karang untuk Blok ke dua
(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)




Gambar 4.3 : Lakaran yang digunakan menggunakan kaedah canting
(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)

4.3 LUKISAN DAN LAKARAN REKA CORAK

Pengkaji telah membuat lukisan dan lakaran pada kertas bersaiz A3 terlebih dahulu. Pada mulanya, pengkaji telah melukis subjek matter yang dipilih untuk dijadikan motif iaitu terumbu karang. Ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti subjek matter dengan lebih mendalam dari segi bentuk, texture dan warna. Setelah itu, pengkaji mengeluarkan elemen-elemen yang terdapat pada subjek matter untuk dijadikan sebagai motif. Setelah motif siap dilukis pada kertas, motif tersebut dimasukkan didalam komputer untuk di tekan menggunakan aplikasi adobe illustrator. Setelah itu, reka corak selendang akan di design menggunakan apliksi adobe illustrator menggunakan motif yang telah ditekap.

Proses membuat lakaran design selendang dilakukan menggunakan aplikasi adobe illustrator. Saiz selendang dilakar menggunakan saiz sebenar selendang iaitu 55cm lebar dan 180cm panjang. Ukuran blok juga diukur menggunakan saiz sebenar iaitu 11cm x 11cm untuk blok pertama dan 8cm x 8cm untuk blok ke dua. Dengan ini, pengkaji dapat membuat peletakan design dengan betul dan baik. Warna juga telah dipilih dan dimasukkan dalam design menggunakan aplikasi adobe illustrator. Dengan ini, pengkaji dapat melihat design penuh yang ingin dihasilkan.

Lukisan dan Lakaran design blok yang telah dilakukan dihantar kepada pembuat blok batik. Blok batik ini ditempah bagi menghasilkan batik blok. Dalam lakaran blok batik ini, pengkaji telah menghasilkan dua jenis blok iaitu blok yang direka berdasarkan motif terumbu karang. Setelah blok ini siap dihasilkan oleh pembuat blok, barulah pengkaji mengecap kain tersebut mengikut design yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengecap blok tersebut pada kain sample terlebih dahulu iaitu semester kain. (Rujuk gambar, 4.4, 4.5, 4.6, 4.7, 4.8)




Gambar 4.4: Lakaran design selendang satu.

(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)




Gambar 4.5: Lakaran design selendang dua.

(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)




Gambar 4.6: Lakaran design selendang tiga.

(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)



Gambar 4.7: Lakaran design selendang empat.

(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)



Gambar 4.8: Lakaran design selendang lima.

(Nurul Nasuha Binti Azizul, 2021)



Gambar 4.9: Lakaran design selendang enam

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

4.4 KONSEP REKA CORAK

Reka corak ini dilakukan adalah bertujuan untuk pengkaji dapat menguasai kemahiran pengetahuan budaya dan kemahiran persepsi. Pengkaji telah menggunakan konsep dalam rekaan merujuk merujuk kepada motif yang telah dikaji iaitu terumbu karang. Terumbu karang merupakan sumber alam semula jadi yang terdapat di lautan. Terumbu karang mempunyai banyak jenis, bentuk dan warna yang berbeza. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengolah secara kreatif sehingga menjadi satu bentuk yang baru dan dijadikan sebagai rekaan motif dalam kajian ini.

Dalam menghasilkan reka corak, pengkaji telah mengolah subjek matter dengan mengeluarkan elemen-elemen yang terdapat pada terumbu karang. Pengkaji telah mengambil bentuk dan teksture yang terdapat pada beberapa jenis terumbu karang dan digabungkan menjadi satu bentuk yang baru. Reka corak ini direka dan dijadikan reka corak motif dalam kajian ini. Corak motif yang dihasilkan ini dijadikan blok batik untuk menghasilkan corak pada selendang yang akan dihasilkan.

Susunan corak yang dihasilkan adalah kebanyakannya adalah corak bebas. Susunan corak dibuat secara tidak terancang iaitu susunan bebas. Selain itu, terdapat juga susunan corak selang seli pada sebahagian selendang. Susunan corak bebas ini diilhamkan daripada kedudukan terumbu karang itu sendiri. Kedudukan terumbu karang didalam laut adalah lebih bebas dan tidak teratur. Ini menampakkan kedudukan terumbu karang itu lebih harmoni dan ceria.



Gambar 4.10: Blok berukuran 11cm x 11cm

(Nurul Nasuha Binti Azizul)




Gambar 4.11: Blok berukuran 8cm x 8cm

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

MALAYSIA
KELANTAN

4.5 CONTOH REKA CORAK

Proses penghasilan contoh reka corak amat penting kepada pengkaji. Ini kerana, dapat membantu pengkaji dalam menghasilkan reka corak mengikut lakaran yang dibuat pada saiz produk yang sebenar. Pengkaji telah melakar design selendang menggunakan aplikasi adobe illustrator dengan menggunakan saiz sebenar selendang dan saiz sebenar blok. Dengan ini, lebih mudah untuk pengkaji membuat susunan peletakan design. Walau bagaimanapun, pengkaji telah melakukan satu sample selendang yang berukuran satu meter pada salah satu design selendang yang dibuat. Ini adalah bertujuan untuk menguji blok tersebut agar dapat mencapai apa yang telah dirancangkan pada reka corak. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenalpasti kesesuaian kain dan juga warna yang telah dipilih. Ini membantu pengkaji untuk penghasilan produk sebenar yang akan dihasilkan. (Rujuk gambar 4.12)



Gambar 4.12: Lakaran design menggunakan kaedah digital.

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

KELANTAN

4.6 WARNA


Warna terdiri daripada tiga kumpulan yang berbeza. Tiga warna tersebut adalah warna prime iaitu warna asas, warna sekunder dan warna tertier. Warna asas juga disebut sebagai warna utama. Warna utama ini adalah warna asas yang tidak bercampur dengan warna yang lain. Warna asas ini terdiri daripada warna merah, biru dan kuning. Seterusnya adalah warna sekunder. Warna sekunder merupakan campuran daripada warna asas. Sebagai contoh, warna biru dicampurkan bersama warna kuning menjadi warna baru iaitu warna hijau. Akhir sekali adalah warna tertier. Warna tertier merupakan warna asas yang bercampur dengan warna sekunder. Sebagai contoh, warna kuning dicampurkan dengan warna ungu menjadi satu warna baru menjadi warna gold.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan perbagai jenis warna berdasarkan warna yang terdapat pada terumbu karang dan warna tranding pada masa kini. Pengkaji telah menggunakan ketiga-tiga jenis warna ini dalam design produk yang ingin dihasilkan. Terdapat banyak warna asas dan warna sekunder pada terumbu karang manakala warna tertier pula banyak terdapat pada warna tranding pada masa kini. (Rujuk Gambar 4.13, 4.14, 4.15, 4.16, 4.17, 4.18)




Gambar 4.13: Skema warna yang digunakan pada selendang dalam produk akhir yang pertama

(Nurul Nasuha Binti Azizul)




Gambar 4.14: Skema warna yang digunakan pada selendang dalam produk akhir yang kedua

(Nurul Nasuha Binti Azizul)




Gambar 4.15: Skema warna yang digunakan pada selendang dalam produk akhir yang ketiga

(Nurul Nasuha Binti Azizul)




Gambar 4.16: Skema warna yang digunakan pada selendang dalam produk akhir yang keempat

(Nurul Nasuha Binti Azizul)



Gambar 4.17: Skema warna yang digunakan pada selendang dalam produk akhir yang kelima

(Nurul Nasuha Binti Azizul)



Gambar 4.18: Skema warna yang digunakan pada selendang dalam produk akhir yang keenam.

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

4.7 Penghasian Produk

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji telah diberi tugas untuk menghasilkan lima helai selendang yang berlainan perletakan design dan warna. Saiz kelima selendang tersebut adalah sama iaitu 55cm tinggi dan 180 lebar. Dalam menghasilkan produk akhir ini, dua blok telah digunakan. Blok tersebut mempunyai saiz yang berbeza namun reka bentuknya seakan-akan sama namun mempunyai sedikit perbezaan. (Rujuk gambar 4.19, 4.20, 4.21, 4.22, 4.23, 4.24, 4.25)



Gambar 4.19: Mengukur kain dan membuat peletakkan design corak motif sebelum proses mengecop.

(Nurul Nasuha Binti Aziuzl)

Dalam proses membuat produk, proses pertama yang pengkaji lakukan adalah pada bahagian kain. Pada mulanya, pengkaji telah mengukur kain mengikut ukuran yang diperlukan mengikut ukuran produk selendang yang telah ditetapkan. Ukuran selendang yang telah ditetapkan adalah 180cm panjang dan 55cm lebar. Kain yang digunakan adalah berukuran 2 meter. Kemudian kain tersebut dibahagikan kepada dua untuk dibahagikan kepada dua selendang. Kain keseluruhan yang digunakan adalah 4 meter kain cotton silk dan 2 meter kain crepe. Setelah kain siap dipotong, pengkaji telah melukis kotak mengikut design yang dibuat sebagai penanda untuk dicop menggunakan lilin. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses memblok selendang pada proses seterusnya. Walau bagaimanapun, dalam tugas ini, pengkaji dapat melakukannya dengan baik.



Rajah 4.20: Proses mengecop batik.

(NurulNasuha Binti Azizul)

Proses seterusnya adalah mengecop batik mengikut susunan yang telah ditetapkan. Dalam proses ini, lilin perlu dipanaskan terlebih dahulu. Setelah lilin panas, barulah produk mengecop batik dapat dilakukan. Selain itu, untuk mengecop batik ini juga perlu menggunakan meja khas untuk membuat batik blok. Fungsi menguna meja ini adalah untuk menyejukkan lilin agar lilin cepat sejuk dan keras. Setelah kain dihampar diatas meja, blok dimasukkan didalam banchuan lilin tadi kemudian diangkat dan direntap sebanyak tiga kali. Setelah itu barulah diterapkan diatas kain. Tujuan merentap blok adalah untuk mengurangan lilin dan melekat pada blok. Ini adalah kerana, untuk tidak menyebabkan lilin mengembang di atas kain atau terlalu tebal.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 4.21: Proses membancuh warna
(Nurul Nasuha Binti Azizul)

Dalam menjalankan tugas ini, pengkaji telah membancuh sendiri warna yang perlu digunakan pada produk seperti yang telah ditetapkan. Dalam proses ini, pengkaji mencampur beberapa warna untuk mendapatkan warna sekunder dan warna tertier. Warna sekunder adalah campuran warna-warna prime seperti iaitu warna asas. Manakala warna tertier pula adalah campuran warna sekunder dan warna prime. Sebagai contoh warna sekunder adalah campuran warna kuning dan biru akan menghasilkan satu warna baru iaitu warna hijau. Contoh warna tertier pula adalah campuran warna kuning dan warna ungu akan menghasilkan warna peach. Untuk mendapatkan warna yang lebih cerah, pengkaji perlu menambah air putih di dalam bancuhan warna.



Rajah 4.22: Mewarna kain di atas pemedang

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

Setelah kain siap dicop, proses mewarna turut dilakukan oleh pengkaji. Kain dibentangkan diatas pemedang dan ditarik hingga tegang. Dalam proses ini, pengkaji menggunakan dua kaedah dalam mewarna iaitu menggunakan span dan juga berus. Span digunakan untuk mewarna kawasan yang besar contohnya seperti latar. Manakala berus pula digunakan untuk mewarna bahagian-bahagian yang lebih kecil, contohnya seperti warna pada corak motif. Proses ini amat memerlukan sepenuh perhatian dan tumpuan. Ini kerana, untuk mewarna pengkaji perlu teliti dan lebih berhati-hati untuk mendapatkan hal yang kemas dan cantik.



Gambar 4.23: Proses mewarnaan menggunakan teknik Tie and Dye.

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

Terdapat juga beberapa produk selendang yang menggunakan teknik tie and dye. Dalam proses ini, kain yang telah di cop akan di matikan warna menggunakan silikat dan dibiarkan seketika. Setelah itu, kain tersebut dihampar di atas meja dan direnyukkan. Kemudian, warna akan disapu di atas kain yang renyok tadi menggunakan span. Setelah itu, kain tersebut dibiarkan selama empat jam dan ke atas. Setelah itu, kain tersebut akan dibasuh menggunakan air yang bersih dan disidai sehingga kering.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 4.24: Proses merebus kain.

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

Pengkaji juga perlu melakukan proses merebus kain batik yang telah siap diwarnakan dan yang telah di silikat. Proses ini adalah bertujuan untuk menanggalkan lilin yang terdapat pada kain. Tugas ini dilakukan sewaktu proses penghujung dalam melakukan proses membuat batik. Untuk menjalankan tugas ini, air yang bersih perlulah direbus di dalam periuk yang besar sehingga mendidih bersama soda ash. Kain dimasukkan satu persatu didalam periuk agar tidak terlalu padat dan penuh. Dalam menjalankan tugas ini, pengkaji perlu lebih berhati-hati kerana ianya sedikit berisiko untuk mengalami sebarang kecelakaan. Walau bagaimanapun, dalam tugas ini, pengkaji dapat melakukannya dengan baik dan tiada sebarang kerosakan atau kecelakaan yang berlaku.

KELANTAN



Gambar 4.25: Jemur kain batik yang telah siap.

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

Setelah selesai proses merebus kain, proses menjemur kain dilakukan. Kain perlu dijemur di kawasan yang redup atau di kawasan yang tidak terkena cahaya matahari secara terus. Ini kerana, kain batik tidak boleh dijemur di bawah matahari yang panas agar warnanya tidak luntur dan pudar. Walau bagaimanapun, daripada tugas ini, pengkaji dapat mempelajari sesuatu yang baru mengenai penghasilan kain batik dan dapat melakukannya dengan baik.

4.7. PRODUK AKHIR



Gambar 4.26: Selendang Pertama
(Nurul Nasuha Binti Azizul)



Gambar 4.27: Selendang Ke Dua
(Nurul Nasuha Binti Azizul)



Gambar 4.28: Selendang Ke Tiga

(Nurul Nasuha Binti Azizul)



KELANTAN

Gambar 4.29: Selendang Ke Empat

(Nurul Nasuha Binti Azizul)



Gambar 4.30: Selendang Ke Lima

(Nurul Nasuha Binti Azizul)



Gambar 31: Selendang Ke Enam

(Nurul Nasuha Binti Azizul)

4.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, produk telah dihasilkan mengikut arahan yang telah ditetapkan iaitu enam helai selendang yang berbeza design peletakan dan warna yang berlainan. Dalam penghasilan produk, pengkaji telah menggunakan dua jenis teknik iaitu teknik batik blok dan teknik batik canting. Walau bagaimanapun, penghasilan produk ini lebih tertumpu kepada batik blok. penggunaan teknik batik canting adalah bertujuan untuk melengkapkan design selendang yang direka yang tidak dapat dibuat menggunakan blok. Contohnya seperti garisan lurus yang terdapat pada sepanjang kain selendang sebagai frame. Ini dapat diertikan sebagai motif garisan luar (outline). Manakala bagi teknik cop pula, pengkaji menggunakan cop yang menghasilkan rupa motif yang dihasilkan berdasarkan subjek matter iaitu terumbu karang. Peletakkan motif blok ini disusun dengan cara yang berbeza pada setiap selendang untuk mendapatkan design selendang yang berlainan. Seterusnya adalah mengenai warna yang digunakan. Warna dipilih berdasarkan warna yang terdapat pada subjek matter dan juga warna trending pada masa kini. Warna juga dipilih untuk disesuaikan oleh pengguna iaitu golongan wanita yang berusia 18 tahun hingga 40 tahun.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0.1 CADANGAN

5.0.1.1 Pengkaji Baru

Antara cadangan yang dapat diberikan kepada pengkaji baru adalah, pengkaji perlulah lebih kreatif dan berani mencuba untuk menghasilkan sesuatu produk yang baru atau menginovasikan sesuatu produk. Selain itu juga, pengkaji perlulah mengkaji terlebih dahulu mengenai trend semasa atau minat pengguna mengikut pendedaran masa. Sesuatu produk yang dihasilkan perlulah kemas dan cantik bagi menarik minat pengguna. Penghasilan produk yang baik mampu menarik minat dan perhatian pengguna yang melihatnya.

Selain itu juga, pengkaji juga perlulah membuat pemilihan warna yang bersesuaian mengikut produk yang dihasilkan. Selain itu juga, pemilihan warna juga perlu disesuaikan dengan pengguna mengikut golongan atau faktor umur. Warna juga mempunyai trending yang tersendiri mengikut pendedaran masa. Warna dan konsep yang betul mampu memberikan kesan yang positif kepada penghasilan produk. Bukan itu sahaja, pengkaji juga perlu meneliti terlebih dahulu rekaan tersebut dari segi warna, susun atur corak dan golongan yang bersesuaian dengan rekaan corak yang dihasilkan agar mendapat pandangan yang positif daripada pengguna.

MALAYSIA

KELANTAN

5.0.1.2 Industri

Antara cadangan bagi industri adalah, pembatik juga perlu mengkaji trend trend semasa dan membuat inovasi produk agar kelihatan lebih menarik dan *relevant*. Walau bagaimanapun, pembatik juga perlu mengekalkan unsur-unsur tradisional. Ini adalah bertujuan untuk memelihara motif tradisi agar terus dikenali dan mendapat sambutan daripada semua golongan masyarakat di Malaysia. Selain itu juga, pembatik juga perlulah menggunakan kreativiti dan idea menarik bagi mengolah motif untuk menambahkan keindahan motif-motif tersebut.

5.0.1.3 Negara

Antara cadangan yang dapat dicadangkan kepada negara untuk mempertahankan batik di Malaysia adalah, pihak kerajaan sangat memainkan peranan penting untuk memertabatkan batik di dalam negara mahupun di luar negara. Sebagai contoh, kerajaan mewajibkan pemakaian batik di dalam majlis-majlis rasmi. Selain itu, pihak kerajaan juga perlu menyiarkan di kaca televisyen dan di media-media sosial mengenai keistimewaan dan kepentingan batik di Malaysia agar dapat menyedarkan masyarakat mengenainya. Selain itu, kerajaan juga perlu memberi bantuan kewangan kepada syarikat syarikat kecil (IKS) batik agar pembatik dapat meningkatkan dan menaiktaraf syarikat batik mereka ke peringkat yang lebih tinggi.


5.0.2 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa reka corak motif terumbu karang sebagai reka corak batik telah memberi pembaharuan dalam reka corak blok yang telah dihasilkan. Selain itu, kajian yang dijalankan juga telah memberikan sedikit sebanyak manfaat kepada industri batik. Teknik yang digunakan dalam membuat produk selendang ini adalah teknik batik blok sepenuhnya. Teknik batik blok ini lebih cepat dan mudah dihasilkan. Pengguna produk selendang yang dihasilkan ini adalah daripada golongan remaja dan wanita dewasa. Oleh itu, design yang dihasilkan adalah lebih harmoni dan sesuai dipakai oleh golongan yang muda. Warna yang digunakan adalah daripada warna yang terdapat pada subjek matter iaitu terumbu karang. Terumbu karang mempunyai banyak warna, antaranya adalah seperti merah jambu, kuning, ungu, biru, dan lain-lain lagi. Selain itu, warna trending dan warna yang diminati masyarakat juga turut digunakan. Antara warna yang sering digunakan masyarakat pada masa kini adalah warna-warna lembut atau pastel. Jenis kain yang digunakan adalah kain cotton silk dan juga kain crepe. Kain cotton silk dipilih kerana ianya mempunyai permukaan yang berkilat walaupun telah dicuci banyak kali. Ianya sejuk dan selesa dipakai. Oleh itu, cotton silk ini sangat cantik dan sesuai dijadikan sebagai selendang. Kain crepe pula dipilih untuk dijadikan selendang ini adalah kerana, kain ini bersifat jatuh, fleksibel, tidak kaku dan diminati oleh ramai kaum hawa. Oleh itu, kain ini sangat cantik untuk dijadikan sebagai selendang. Produk selendang yang diterapkan dengan corak daripada batik blok ini sangat cantik dan berharga kerana batik merupakan seni kraftangan Malaysia yang sangat unggul dan bersejarah. Oleh itu, rakyat Malaysia perlulah menghargai seni batik dan memartabatkannya.

LAMPIRAN



Gambar 4.32: Gambar Poster
 (Nurul Nasuha Binti Azizul)



Gambar 4.33: Katalog
 (Nurul Nasuha Binti Azizul)

RUJUKAN

- A.Razak, R. (1999). Satu kajian mengenai perbandingan reka corak batik sarung jawa (Yogyakarta) dengan batik sarung Malaysia (Terengganu). *Universiti teknologi MARA, Cawangan Melaka*, 1-7.
- Abdul Latif Samian, N. M. (2014). *ISU-ISU SAINS & TEKNOLOGI DI ALAM MELAYU*. BANGI: Institusi Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA) .
- Altira, A. N. (2016). PEMAKNAAN FESYEN HIJAB DI KALANGAN PEGIAT FESYEN DAN MUSLIMAH UMUM DI INDONESIA. *Program Studi Magister Sains, Fakultas Psikologi Universitas Indonesia*, 1-5.
- ANALISIS HUKUM ISLAM TERHADAP PERLINDUNGAN HAK CIPTA PADA SUBSEKTOR EKONOMI KREATIF MENGENAI DESIAN FESYEN BUSANA. (2018). *FAKULTAS SYARIAH UIN RADEN INTAN LAMPUNG*, 1-182.
- Efendi, A. K. (1994). KERUSAKAN TERUMBU KARANG DI PERAIRAN SEPANJANG PANTAI SUMATERA BARAT. *Jurnal Pen Perikanan Laut No 91*, 2-6.
- Hassan, N. K. (2020). *Jangan buat aktiviti jejas hidupan marin*. ROMPIN: Sinar Harian.
- Ingrid Sembiring, A. W. (2012). MANFAAT LANGSUNG TERUMBU KARANG DI DESA TUMBAK KABUPATEN MINAHASA TENGGARA. *Jurnal Perikanan Dan Kelautan Tropis*, 1-6.
- Ismail, N. H. (2015). Pemasalahan Dalam Industri Batik Di Terengganu. *PROSIDING PERKEM*, 1-8.
- Legino, A. I. (2018). Imitation of Batik Sarong Design and Features. *Formiving Research Group, Faculty of Art & Design, Universiti eknologi MARA*, 1-10.
- Legino, A. I. (2018). Imitation of Batik Sarong Design and Features. *Formgiving Research Group, Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA*, 1-10.
- MARZUKI, S. B. (2014). AURAT WANITA MUSLIMAH: HUKUM DAN BATAS BERDASARKAN PANDANGAN EMPAT MAZHAB. *SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)*, 1-29.

- Mataburu, I. B. (2015). IDENTIFIKASI KONDISI TERUMBU KARANG PERAIRAN BAGIAN SELATAN PULAU SEPANJANG, KABUPATEN SUMENEP DENGAN MENGGUNAKAN LANDSAT 8. *SPATIAL Wahana Komunikasi dan Informasi geografi* , 1-8.
- Norulzaila Ismail, N. A. (2019). Melestarikan Element Melayu Islam Dalam Fesyen Pakaian Masyarakat Melayu. *INSANIAH: Online Journal of Language, Cummunication, and Humanities*, 1-11.
- Nurrul Asmar Binti Azhan, H. R. (2014). KEINDAHAN REKA BENTUK BUSANA HIJAB KONTEMPORARY MALAYSIA: KAJIAN KES DARI TAHUN 2009 HINGGA TAHUN 2013. *Jurusan PTBB FT UNY*, 1-13.
- Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Muhammad Amir Wan Harun. (2016). *fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal Dan Spiritual*, 1-7.
- RIZKY HAFIZ CHANIAGO, W. A. (2018). Pembentukan Identiti Wanita Berhijab Melalui Fesyen Sub-budaya Muzik Metal Indonesia . *Malaysian Journal of Communication*, 97-114.
- Ruzanna Syamimi Ramli, M. P. (2011). Pelancongan Selam Skuba di Malaysia: Isu dan Cabarannya. *PROSIDING PERKEM VI, JILID I*, 1-7.
- SAMAH, A. J. (1990). Batik: Sejarah dan Keistimewaan Teknikya. *Akademika* , 1-7.
- Saniah Ahmad, Z. A. (2020). REVOLUSI BENTUK, FUNGSI DAN TREND PEMAKAIAN TUDUNG DI MALAYSIA: REVOLUTION OF FORM, FUNCTION AND TRENDS IN THE APPLICATION OF "TUDUNG" IN MALAYSIA. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 1-7.
- Sarimah binti Nordin, D. S. (2016). FENOMENATERBARURUJ MASA KINI DALAM KALANGAN WANITA MUSLIMAH. *Proceeding of the International Conference on Education towards Global Peace*, 1-15.
- SHAFIZA SHAFIE, F. M. (2015). Garis Panduan bagi Pendakwah Wanita di Televisyen dalam Aspek Penampilan berdasarkan al-Qur'an. *UKM Journal Article Repository*, 1-10.
- Siti Aisyah Amilin binti Hassan, M. G. (2018). teknologi Pmprosesan Batik Melayu Di Kelantan. *JURNAL WACANA SARJANA*, 1-8.

- Wan Siti Adibah Wan Dahalan, H. Y. (2020). Kepentingan Ciri-Ciri Maritim Di Kepulauan Spratly dan Isu Pencemaran Marin yang Berlaku. *Jurnal Reusam*, 1-10.
- YAACOB, M. T. (2018). *Pukat ancam terumbu karang*. Pulau Perhentian: Sinar Harian.
- Yusop, M. S. (2015). Inovasi Blok Batik Tembaga Sebagai Kraf Hiasan. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 1-7.
- Yusra, N. (2013). PENDIDIKAN ADAB BERPAKAIAN WANITA MUSLIMAH: TELAAH HADIST NABI TENTANG BERPAKAIAN. *Marwah*, 1-13.